

VOT 75057

**KAJIAN PENGUJIAN KENDIRI PELAJAR MENGGUNAKAN
PENGELASAN KEPUTUSAN PINTAR**

**(THE STUDY OF STUDENTS' SELF-ASSESSMENT USING
INTELLIGENT DECISION CLASSIFICATION)**

**SARINA BINTI SULAIMAN
NADZARI SHAARI
MOHD FADZLI MUHAMAD**

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

2008

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN PENGHARGAAN	i
	ABSTRAK	ii
	ABSTRACT	iii
	HALAMAN KANDUNGAN	iv
	HALAMAN SENARAI RAJAH	ix
	HALAMAN SENARAI JADUAL	xi
	HALAMAN SENARAI SINGKATAN	xii
	HALAMAN SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB I	PENGENALAN	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Matlamat Projek	6
	1.5 Objektif Projek	6
	1.6 Skop Projek	7
	1.7 Justifikasi dan Kepentingan	7
	1.8 Ringkasan	8

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	9
2.2	Kajian Terhadap Keperluan Projek	9
2.3	Kajian Dalam Pemilihan Kerjaya dan Bidang Pengajian	10
	2.3.1 <i>Self Directed Search</i> (SDS)	10
	2.3.2 <i>Work Values Inventory</i>	10
2.4	Justifikasi Kaedah Pemilihan Kursus	11
	2.4.1 Teori <i>Self Directed Search</i> (SDS)	11
	2.4.2 Hubungan komponen-komponen dalam SDS	14
	2.4.3 Cara penilaian SDS	15
2.5	Kriteria Dalam Pemilihan Kursus	15
2.6	Kajian Mengenai Sistem Pakar	16
	2.6.1 Konsep Sistem Pakar	17
	2.6.2 Struktur Sistem Pakar	19
	2.6.3 Kebaikan dan Kelemahan Sistem Pakar	22
2.7	Kajian Terhadap Sistem yang telah Sedia Ada	22
	2.7.1 Sistem Cadangan Kursus IPT Secara Atas Talian	23
	2.7.2 Sistem Bantuan Pemilihan Kursus Ke IPTA Berasaskan Web	24
	2.7.3 Sistem Permohonan dan Pengesahan Permohonan Ke IPTA Berasaskan Web	25
	2.7.4 Rumusan Terhadap Kajian Sistem Sedia Ada	26
2.8	Ringkasan	26

BAB III METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	27
3.2	Fasa Perancangan	30
	3.2.1 Mengkaji Sistem Sedia Ada	30
	3.2.2 Penetapan Objektif dan Skop	31

3.3	Fasa Analisa Keperluan	31
	3.3.1 Analisis Sistem Pakar	31
	3.3.2 Kajian Penentuan Pangkalan Pengetahuan	32
3.4	Fasa Rekabentuk	32
	3.4.1 Bina Notasi	32
	3.4.2 Bina Prototaip Berdasarkan Kajian	33
3.5	Fasa Implementasi	33
3.6	Fasa Verifikasi dan Validasi	34
	3.6.1 Spesifikasi Input dan Output	34
	3.6.2 Kenal pasti Masalah	35
3.7	Fasa Operasi dan Penyenggaraan	36
3.8	Ringkasan	36

BAB IV ANALISA DAN REKABENTUK PROTOTAIP KAJIAN

4.1	Pendahuluan	37
4.2	Rekabentuk Prototaip	37
	4.2.1 Rajah <i>Use Case</i> Pemohon IPT	38
	4.2.2 Rajah <i>Use Case</i> Penyelenggara	39
	4.2.3 Rajah <i>Use Case</i> Sistem Pakar	39
	4.2.4 Rajah Kelas	39
4.3	Model Dinamik Prototaip Kajian	41
	4.3.1 Rajah Jujukan Pemohon IPT	42
	4.3.2 Rajah Jujukan Penyelenggara	43
4.4	Senario Prototaip Kajian	44
4.5	Merekabentuk Pangkalan Pengetahuan	45
4.6	Ringkasan	48

BAB V PEMBANGUNAN PROTOTAIP KAJIAN

5.1	Pendahuluan	49
-----	-------------	----

5.2	Antaramuka Utama	49
5.3	Modul Pemohon	50
	5.3.1 Menu cadangan kursus	52
	5.3.2 Menu “ <i>Related Links</i> ”	54
5.4	Modul Penyelenggara	55
	5.4.1 Penyelenggaraan Pernyataan SDS	57
	5.4.2 Kemaskini Pernyataan SDS	59
	5.4.3 Menghapus Pernyataan SDS	62
	5.4.4 Menambah Pernyataan SDS	64
	5.4.5 Kemaskini Kursus RIASEC	66
	5.4.6 Menghapus Kursus RIASEC	68
	5.4.7 Menambah Kursus RIASEC	68
5.5	Ringkasan	69

BAB VI PENGUJIAN DAN PENILAIAN SISTEM

6.1	Pendahuluan	70
6.2	Pengujian dan Penilaian Kajian	71
	6.2.1 Pengujian Pangkalan Data	71
	6.2.2 Pengujian Input Dan Output	72
	6.2.3 Pengujian Aturcara	72
6.3	Spesifikasi Pengujian	72
	6.3.1 Pengujian Pengguna	73
6.4	Ringkasan	74

BAB VII PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

7.1	Pendahuluan	75
7.2	Rumusan Masalah Kajian	75
	7.2.1 Pembangunan Prototaip	75

7.3	Kelebihan Kajian	76
7.4	Kelemahan Kajian	76
7.5	Cadangan Pembaikan	77
7.6	Ringkasan	77

RUJUKAN DAN BIBLIOGRAFI	78
--------------------------------	-----------

LAMPIRAN A-E	81
---------------------	-----------

PENGHARGAAN

Rakaman setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang telah memberi amanah dan peluang kepada saya dan ahli kumpulan untuk melaksanakan penyelidikan ini. Namun begitu, sebagai penyelidik yang masih di peringkat asas dalam melaksanakan projek penyelidikan fundamental menyebabkan laporan ini tertangguh daripada tempoh yang telah ditetapkan. Saya mewakili ahli kumpulan penyelidikan ini ingin memohon kemaafan di atas kelewatan yang berlaku.

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat termasuklah Pusat Kaunseling dan Kerjaya, UTM, Skudai dalam menjayakan laporan ini sama ada secara langsung dan tidak langsung di dalam merealisasikan penyelidikan ini.

Semoga penyelidikan yang dijalankan ini dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak terutama warga UTM khasnya dan masyarakat Malaysia amnya. Tidak ketinggalan juga kepada ahli keluarga kami yang telah memberikan dorongan dan sokongan moral kepada kami. Terima kasih tidak terhitung juga kepada warga FSKSM dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan pertolongan dan dorongan untuk menyiapkan laporan ini.

Akhir kalam, segala yang baik itu datang daripadanya dan segala kelemahan dan kekurangan itu datang daripada diri kami.

THE STUDY OF STUDENTS' SELF-ASSESSMENT USING INTELLIGENT DECISION CLASSIFICATION

(Keywords: Expert system, Self-Directed Search, backward chaining , knowledge base)

A Study Of Students' Self-Assessment Using Intelligent Decision Classification is to help SPM, STPM or matriculation candidates to choose which courses are suitable for them. This research prototype and knowledge base provides suggestions for the most suitable courses based on the IPT candidates' interest and their SPM, STPM or matriculation's examination result. This research is considered the input factors by users such as interest, and SPM, STPM or matriculation results. This research also help to generate IPT candidates' interest by using a technique from Dr Holland, called the SDS (Self Directed Search). Other than that, this research considered other UTM requirements before suggesting suitable courses for the IPT candidates. This is because to ensure that the courses chosen are suitable with their interest and their qualification. The research prototype is developed in Linux Fedora Core 2 operating system using a Hypertext Preprocessor (PHP) programming language, My Structured Query Language (MySQL) and Apache web server to create an expert system by using a knowledge base technique which are rules and backward chaining method as an inference engine. This prototype can be used through Internet so that it can be reached by students from all over Malaysia. In such a way, this will help to attract more IPT candidates joining UTM. Hence, the students will know what courses that are suitable for them based on their interest and qualification.

Key researchers:

Sarina binti Sulaiman (Project Leader)

Nadzari Shaari

Mohd Fadzli Muhamad

E-mail : sarina@utm.my

Tel. No. : 07-5532067

Vote No. : 75057

KAJIAN PENGUJIAN KENDIRI PELAJAR MENGGUNAKAN PENGELASAN KEPUTUSAN PINTAR

(Kata kunci: Sistem pakar, Self-Directed Search, teknik rantaian ke belakang, pangkalan pengetahuan)

Kajian Pengujian Kendiri Pelajar Menggunakan Pengelasan Keputusan Pintar bertujuan membantu pelajar-pelajar lepasan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), STPM (Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia) dan lepasan matrikulasi untuk membuat keputusan untuk memilih kursus di UTM (Universiti Teknologi Malaysia). Hasil pembangunan prototaip dengan pangkalan pengetahuan ini dapat menyediakan kemudahan bagi mencadangkan kursus yang bersesuaian dengan pengguna. Ia mengambilkira faktor-faktor input yang diberikan oleh pengguna iaitu berdasarkan minat dan keputusan SPM, STPM atau matrikulasi mereka. Kajian ini juga membantu menjana minat pengguna dengan menggunakan teknik SDS (*Self-Directed Search*) yang di perkenalkan oleh Dr. Holland. Selain itu, kajian ini mengambilkira beberapa syarat am mengenai diri calon yang perlu dipenuhi seperti yang telah ditetapkan oleh UTM sebelum mencadangkan kursus yang sesuai. Ini bertujuan untuk memastikan kursus yang dipilih adalah bersesuaian dengan minat dan kelayakan mereka. Prototaip kajian dibangunkan menggunakan bahasa pengaturcaraan *Hypertext Preprocessor* (PHP), *My Structured Query Language* (MySQL) pada server web Apache dalam persekitaran sistem pengoperasian Linux Fedora Core 2 untuk menghasilkan sistem pakar yang menggunakan teknik perwakilan pengetahuan iaitu peraturan dan teknik rantaian ke belakang sebagai enjin kesimpulan. Prototaip juga boleh digunakan secara interaktif melalui internet agar penggunaannya lebih menyeluruh kepada semua pelajar-pelajar di Malaysia. Secara tidak langsung, ini boleh membantu menarik minat pelajar lepasan SPM, STPM dan matrikulasi untuk memohon kursus yang ada di UTM. Oleh itu, para pelajar dapat mengetahui kursus yang sesuai dengan diri mereka dan membuat pilihan yang tepat mengikut bidang yang mereka minati dan bersesuaian dengan keputusan yang mereka perolehi.

Kunci penyelidikan:

Sarina binti Sulaiman (Ketua Projek)

Nadzari Shaari

Mohd Fadzli Muhamad

E-mel : sarina@utm.my

No. Tel. : 07-5532067

No. Vot : 75057

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**BORANG PENGESAHAN
LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN**

TAJUK PROJEK : **KAJIAN PENGUJIAN KENDIRI PELAJAR**

MENGGUNAKAN PENGELASAN KEPUTUSAN PINTAR

SARINA BINTI SULAIMAN

Saya _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan **Laporan Akhir Penyelidikan** ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Laporan Akhir Penyelidikan ini adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat penjualan salinan Laporan Akhir Penyelidikan ini bagi kategori TIDAK TERHAD.
4. * Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972).

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan).

TIDAK
TERHAD

TANDATANGAN KETUA PENYELIDIK

Nama & Cop Ketua Penyelidik

Tarikh : **18 APRIL 2008**

CATATAN : *Jika Laporan Akhir Penyelidikan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Hubungan Komponen-komponen SDS	14
2.2	Struktur Asas Sistem Pakar	19
2.3	Contoh Penggunaan Rantaian Ke Belakang	21
3.1a	Carta Alir Kajian bagi Fasa Perancangan dan Analisa Keperluan	28
3.1b	Carta Alir Kajian bagi Fasa Rekabentuk, Implementasi, Verifikasi & Validasi serta Operasi & Penyelenggaraan	29
4.1	Rajah <i>Use Case</i> Prototaip	38
4.2	Rajah <i>Use Case</i> Pemohon IPT	38
4.3	Rajah <i>Use Case</i> Penyelenggara	39
4.4	Rajah <i>Use Case</i> Sistem Pakar	40
4.5	Rajah Jujukan Pemohon IPT	42
4.6	Rajah Jujukan Penyelenggara	43
4.7	Rajah Aliran Semasa Pengujian Kendiri Menggunakan Pengelasan Keputusan Pintar	45
5.1	Antaramuka Laman Utama	50
5.2	Antaramuka Laman Log In	51
5.3	Antaramuka Laman Daftar Pengguna Baru	51
5.4	Antaramuka Memasukkan Keputusan Peperiksaan	52
5.5	Antaramuka Pernyataan SDS	53
5.6	Antaramuka Cadangan Kursus IPT Bagi Pemohon	54
5.7	Antaramuka Jaringan Ke Laman-Laman Web IPTA	55
5.8	Antaramuka Pemberitahuan Kata Nama atau Kata Laluan yang Tidak Sah	56

5.9	Antaramuka Utama Penyelenggara	57
5.10	Antaramuka Pemilihan Komponen SDS	58
5.11	Antaramuka Penyelenggaraan Pernyataan SDS, Komponen <i>Realistic Activities</i>	58
5.12	Antaramuka Kemaskini Pernyataan SDS	59
5.13	Keratan Aturcara Kemaskini Pernyataan SDS	60
5.14	Antaramuka Pengesahan Kemaskini Pernyataan SDS	60
5.15	Keratan Aturcara Pengesahan Kemaskini Pernyataan SDS	61
5.16	Antaramuka Pernyataan SDS yang telah Dikemaskini	61
5.17	Keratan Atucara Pernyataan SDS yang telah Dikemaskini	62
5.18	Antaramuka Pernyataan SDS yang Ingin Dihapuskan	63
5.19	Keratan Atucara Pernyataan SDS yang Ingin Dihapuskan	63
5.20	Antaramuka Pernyataan SDS yang telah Dihapuskan	64
5.21	Antaramuka Pernyataan SDS yang Ingin Ditambah	65
5.22	Antaramuka Pernyataan SDS yang telah Ditambah	65
5.23	Keratan Atucara Pernyataan SDS yang telah Ditambah	66
5.24	Antaramuka Utama Kemaskini Kursus RIASEC	66
5.25	Antaramuka Kemaskini Kursus RIASEC	67

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERKARA
A1	Pangkalan Pengetahuan SDS
A2	Padanan Kod Kursus Dengan Kod SDS
A3	Padanan Kod SDS Dengan Kod Kursus dan Syarat Minimum Kemasukan Kursus di UTM
B1	Borang Soal Selidik
B2	Analisa Borang Soal Selidik
B3	Pengujian Antara Pakar Dengan Sistem
C1	Rajah Kelas Pengujian Kendiri Pelajar Menggunakan Pengelasan Keputusan Pintar
C2	Rajah ERD Pangkalan Pengetahuan Pengujian Kendiri Pelajar Menggunakan Pengelasan Keputusan Pintar
C3	Penerangan Setiap Medan Pada Setiap <i>Table</i> Dalam Pangkalan Pengetahuan
D1	Kod Aturcara Untuk Memasukkan Keputusan Peperiksaan ke Dalam Pangkalan Pengetahuan
D2	Kod Aturcara untuk Memanggil Data daripada Pangkalan Pengetahuan
D3	Kod Aturcara Sistem Pakar
D4	Kod Aturcara Untuk Kemaskini Pernyataan SDS
E1	Pengujian Kotak Putih

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Peratusan Pecahan Lelaki dan Perempuan untuk Pemilihan Kursus yang Betul	3
4.1	Spesifikasi Pangkalan Pengetahuan <i>User</i>	46
4.2	Spesifikasi Pangkalan Pengetahuan <i>exam_qua</i>	46
4.3	Spesifikasi Pangkalan Pengetahuan Soalan	47
4.4	Spesifikasi Pangkalan Pengetahuan <i>Course_table</i>	47
4.5	Spesifikasi Pangkalan Pengetahuan <i>Qualification</i>	47
4.6	Spesifikasi Pangkalan Pengetahuan <i>Total</i>	47
4.7	Spesifikasi Pangkalan Pengetahuan <i>Riasce_code</i>	47

SENARAI SINGKATAN**SINGKATAN****MAKNA**

SPM

Sijil Pelajaran Malaysia

STPM

Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

PHP

Hypertext Preprocessor

ASP

Active Server Pages

SDS

Self Directed Search

IPT

Institut Pengajian Tinggi

UML

Unified Modeling Language

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Projek yang dijalankan ini iaitu kajian Pengujian Kendiri Pelajar Menggunakan Pengelasan Keputusan Pintar berkonsepkan sistem pakar yang menjana kursus yang bersesuaian dengan pemohon Institut Pengajian Tinggi (IPT) berdasarkan beberapa kriteria pemohon IPT seperti minat, kebolehan dan keputusan peperiksaan sama ada keputusan SPM, STPM atau pun matrikulasi.

Pemilihan kursus yang tepat dan bersesuaian amat penting bagi pemohon IPT untuk mengelakkan mereka daripada tidak dapat mengikuti pelajaran dengan baik terhadap kursus yang diambil. Ia juga bagi memastikan pelajar IPT tidak gagal dalam pelajaran dan seterusnya dibuang ketika dalam tempoh pengajian.

Dengan adanya kajian ini, pemohon IPT dapat mengikuti kursus yang dicadangkan oleh kajian dengan lebih baik kerana pemilihan kursus yang dicadangkan adalah berdasarkan keputusan peperiksaan, minat dan kebolehan pemohon IPT itu sendiri.

1.2 Latar Belakang Masalah

Teknik kepintaran atau Kepintaran Buatan (KB) merupakan kombinasi sains komputer, fisiologi dan falsafah. KB adalah suatu topik yang luas yang melibatkan bidang yang berbeza daripada mesin khayalan kepada sistem pakar. Selain itu, elemen yang biasanya ada di dalam bidang KB iaitu penciptaan mesin yang boleh berfikir.

KB sentiasa menjadi perintis akhir kepada sains komputer. Bahasa komputer yang bertahap maju begitu juga antaramuka komputer dan pemprosesan perkataan memerlukan kewujudan kajian terhadap KB. Teori dan pengertian yang dibawa oleh kajian KB akan menetapkan haluan pengkomputeran di masa akan datang. Produk-produk yang boleh diperolehi hari ini hanyalah sebahagian daripada produk yang akan mengikuti dan bergerak ke arah masa hadapan KB. Kemajuan dalam penyelidikan KB akan berterusan dan memberi kesan kepada pekerjaan, pendidikan dan kehidupan seharian manusia.

Di dalam penyelidikan untuk menghasilkan mesin pintar, bidang KB telah dibahagikan kepada beberapa pendekatan yang berbeza berpandukan pandangan tentang metod dan teori yang lebih baik hasilnya. Persaingan di antara teori-teori yang ada menjadi panduan kepada para penyelidik dalam satu atau dua pendekatan asas; bawah ke atas atau atas ke bawah. Pendekatan bawah ke atas dipercayai cara yang terbaik mencapai KB untuk menghasilkan replika elektronik otak manusia yang mempunyai rangkaian neuron yang kompleks. Manakala, pendekatan atas ke bawah merupakan percubaan yang menyerupai tingkahlaku otak manusia melalui program komputer.

Disebabkan kapasiti ruang penyimpanan komputer yang besar, sistem pakar mempunyai potensi untuk menginterpretasi secara statistik bagi tujuan memformulakan peraturan. Sistem pakar bekerja seperti seorang detektif yang menyelesaikan sesuatu yang misteri. Dengan menggunakan maklumat, logik atau peraturan, sesebuah sistem pakar dapat menyelesaikan sesuatu masalah. Dengan menggunakan set peraturan yang sama, pakar dapat mempelbagaikan aplikasi yang hendak dibangunkan. Seterusnya

melalui peningkatan antaramuka, komputer mula mencari ruang yang lebih besar di dalam sesebuah masyarakat.

Oleh itu, di dalam kajian ini, pengelasan keputusan pintar dibangunkan untuk membolehkan para pelajar melakukan penilaian sendiri dalam membuat keputusan pemilihan bidang yang diminati.

Sesuatu keputusan yang hendak dibuat adalah sukar jika tiada sebarang fakta sokongan. Sekiranya para pelajar ingin memohon kemasukan ke IPT seharusnya membuat keputusan kursus yang ingin diikuti. Oleh yang demikian, memang sukar untuk mereka membuat keputusan dengan ketiadaan pengetahuan tentang kursus yang ada. Kebiasaannya, mereka akan bertanya kepada ibu bapa, guru-guru atau rakan mereka untuk mendapatkan pandangan. Namun begitu, apa yang dicadangkan oleh orang lain tidak bersesuaian dengan minat dan keupayaan mereka.

Soalselidik telah dijalankan kepada 30 orang responden (pelajar yang telah mengambil SPM) dan kesemua responden memberikan maklumbalas mereka. Objektif soalselidik ini untuk mengenalpasti bagaimana responden membuat keputusan untuk memilih kursus yang bersesuaian dengan mereka.

Jadual 1.1 Peratusan Pecahan Lelaki dan Perempuan untuk Pemilihan Kursus yang Betul

	Ya	Tidak
Lelaki		
Memohon IPT	43%	67%
Masalah untuk memilih kursus yang betul	54%	33%
Memerlukan orang lain untuk membantu membuat keputusan	48%	56%
Cadangan yang diberikan sama seperti apa yang difikirkan	45%	50%
Memerlukan alat lain untuk membantu dalam membuat keputusan	45%	63%
Perempuan		
Memohon IPT	57%	33%

Masalah untuk memilih kursus yang betul	46%	67%
Memerlukan orang lain untuk membantu membuat keputusan	52%	44%
Cadangan yang diberikan sama seperti apa yang difikirkan	55%	50%
Memerlukan alat lain untuk membantu dalam membuat keputusan	55%	38%

Daripada 30 responden, 15 orang lelaki dan 15 orang perempuan. Pada bahagian pertama soalselidik ini dibuat untuk melihat bilangan responden yang memohon kemasukan ke IPT. Keputusan kajian ditunjukkan dalam Jadual 1.1. Sebanyak 57 peratus daripada kalangan perempuan yang memohon ke IPT. Namun begitu, sebaliknya kebanyakan responden lelaki iaitu 67 peratus tidak memohon kemasukan ke IPT. Oleh itu, statistik ini menunjukkan majoriti responden telah memohon kemasukan ke IPT. Sebahagian daripada mereka tidak memohon disebabkan oleh mereka menghadapi masalah untuk memilih kursus yang betul.

Bahagian yang seterusnya berkaitan dengan masalah yang dihadapi untuk memilih kursus yang sesuai. Peratusan yang tinggi adalah di kalangan perempuan iaitu 67 peratus tidak menghadapi masalah untuk memilih kursus yang betul. Kedua tertinggi iaitu di kalangan lelaki iaitu 54 peratus menghadapi masalah untuk memilih kursus yang sesuai.

Keputusan ini menunjukkan bahawa responden menghadapi masalah untuk memilih kursus yang sepatutnya di IPT. Ini disebabkan oleh mereka tidak pasti minat dan keupayaan mereka untuk mengikuti sesuatu kursus. Natiyahnya, mereka akan bertanya individu lain untuk membantu mereka dalam membuat keputusan.

Daripada kajian yang dilakukan, majoriti responden memerlukan orang lain untuk membantu mereka membuat keputusan untuk membuat pemilihan kursus. 52 peratus di kalangan perempuan memerlukan orang lain untuk membuat keputusan dan 56 peratus di kalangan lelaki tidak memerlukan orang lain untuk mengambil keputusan.

Selanjutnya, daripada analisis ini 55 peratus responden perempuan memerlukan alat lain untuk membantu mereka membuat keputusan dan 63 peratus lelaki tidak memerlukannya. Walau bagaimanapun, 23 daripada 30 responden bersetuju bahawa mereka memerlukan alat lain untuk membantu mereka mengambil keputusan untuk memilih kursus yang bersesuaian dengan mereka.

Keputusan daripada soalselidik ini menunjukkan kebanyakan responden memerlukan individu lain untuk membantu mereka membuat keputusan. Namun begitu, cadangan mereka berbeza dengan apa yang difikirkan oleh responden. Oleh itu, mereka berpendapat alat lain diperlukan untuk membantu mereka mengambil keputusan untuk memilih kursus yang bersesuaian dengan minat dan keupayaan serta keputusan peperiksaan mereka.

Projek yang dijalankan ini merupakan kajian untuk meningkatkan kebolehpayaan sistem yang sedia ada. Pada Sistem Cadangan Kursus IPT Secara Atas Talian yang dibangunkan sebelum ini, didapati terdapat beberapa kelemahan yang amat ketara yang perlu diperbaiki. Antara kelemahan-kelemahan tersebut ialah tiada pangkalan data pada kajian, antaramuka yang kurang menarik, keputusan cadangan kursus di UTM yang tidak tepat kerana ianya berdasarkan minat dan kebolehan sahaja, dan kemasukan pernyataan *Self Directed Search* (SDS) baru dan kursus-kursus di UTM yang baru terhad.

Pangkalan data memainkan peranan penting dalam sesebuah pembangunan sistem. Ini bagi memudahkan penyelenggara mengemaskinikan data-data pada kajian tersebut. Pada kajian yang telah sedia ada, pangkalan data tidak disediakan. Penyelenggara tidak dapat mengemaskinikan kajian atau pernyataan-pernyataan *Self Directed Search* (SDS). Ini akan menyebabkan kajian tidak dapat berfungsi dengan baik. Antara masalah lain yang mungkin timbul ialah masalah dari segi pertindihan data serta tidak ada kawalan dalam capaian dan manipulasi data sebaliknya dibebankan kepada program aplikasi.

Pada sistem yang sedia ada, pernyataan-pernyataan SDS dan kursus-kursus yang ditawarkan di UTM tidak dapat dikemaskinikan. Ini mungkin disebabkan tiada pangkalan data yang khusus yang perlu ada pada kajian tersebut. Ini akan menyukarkan penyelenggara untuk memasukkan pernyataan-pernyataan SDS dan kursus-kursus yang ditawarkan di UTM ke dalam kajian. Kelemahan ini akan menimbulkan masalah kepada pengguna kerana kursus yang dicadangkan oleh kajian tidak lagi ditawarkan di UTM.

1.3 Pernyataan Masalah

1. Bagaimanakah bentuk pangkalan pengetahuan yang sesuai untuk mengaitkan minat, keputusan peperiksaan dan kursus yang bersesuaian di UTM?
2. Apakah strategi untuk memastikan pangkalan pengetahuan yang dibangunkan dapat membantu pelajar membuat keputusan kursus di UTM yang bersesuaian dengan minat dan keputusan peperiksaan mereka?

1.4 Matlamat Projek

Menghasilkan satu pangkalan pengetahuan untuk sistem pakar yang dapat membantu pemohon IPT terutamanya para pelajar untuk memilih kursus yang ditawarkan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berdasarkan kepada keputusan peperiksaan pelajar dan pengujian SDS.

1.5 Objektif Projek

1. Membangunkan sebuah pangkalan pengetahuan untuk pemilihan kursus di UTM dengan menggunakan teknik sistem pakar berasaskan peraturan (*rule-based expert systems*) iaitu rantaian ke belakang (*backward chaining inference*).

2. Menguji kebolegunaan pangkalan pengetahuan yang dibina dengan menghasilkan prototaip sistem pakar yang dapat menjana kursus yang bersesuaian dengan keputusan peperiksaan pemohon dan pengujian SDS.

1.6 Skop Projek

1. Pangkalan pengetahuan terdiri daripada keputusan peperiksaan pemohon IPT, kod RIASEC, serta kursus-kursus yang ditawarkan di UTM.
3. Bagi pemohon IPT, pangkalan pengetahuan ini mencadangkan kursus yang bersesuaian dengan minat, kebolehan serta keputusan peperiksaan sama ada keputusan peperiksaan SPM, STPM atau matrikulasi pemohon IPT itu sendiri.
4. Pemohon IPT perlu memberikan keputusan peperiksaan SPM atau STPM atau matrikulasi kemudian mereka perlu menjawab pernyataan-pernyataan SDS.
5. Kursus-kursus yang terlibat dalam kajian ini merupakan kursus-kursus yang ditawarkan di UTM sahaja.

1.7 Justifikasi dan Kepentingan

Berikut merupakan beberapa kepentingan dan justifikasi yang telah dikenal pasti bagi kajian yang dilaksanakan.

1. Penggunaan yang Luas

Pangkalan pengetahuan yang dibangunkan dapat memudahkan pengguna sasaran iaitu pemohon IPT yang rata-ratanya terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah untuk membantu mereka membuat keputusan kursus yang bersesuaian bukan sahaja minat tetapi berdasarkan keputusan yang diperolehi. Cadangan yang konsisten dan betul dapat membantu pemohon IPT mendapatkan kursus yang bersesuaian dengan minat, kebolehan

serta keputusan peperiksaan sama ada keputusan peperiksaan SPM, STPM atau matrikulasi mereka.

2. Peluang Komersil

Pangkalan pengetahuan ini boleh dikomersilkan berdasarkan keupayaannya yang bertindak sebagai pencadang kursus di UTM bagi pemohon IPT berdasarkan kriteria pemohon IPT itu sendiri.

3. Kebolehlaksanaan Kajian

Menurut Nur Shahrizan Binti Abdul Jalal [1], pengimplemenan kajian ini melibatkan kajian-kajian dalam bidang bimbingan atau kaunseling, psikologi dan sistem pakar. Maklumat-maklumat diperolehi menerusi temubual yang dijalankan dengan kaunselor sekolah, soal selidik, perpustakaan-perpustakaan dan laman-laman web IPT.

1.8 Ringkasan

Berdasarkan pada pengenalan dan latar belakang masalah projek ini, maka dapat disimpulkan bahawa pangkalan pengetahuan ini adalah penting bagi membimbing pemohon IPT untuk memilih kursus yang bersesuaian dengan minat dan kebolehan serta keputusan peperiksaan sama ada keputusan peperiksaan SPM, STPM atau matrikulasi mereka. Secara tidak langsung, kajian ini dibangunkan menerusi perancangan dan pengurusan yang sistematik bagi menjadikan ia satu kajian yang mantap.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Kajian literatur merupakan teknik pengumpulan maklumat yang diperolehi menerusi sumber-sumber yang tertentu seperti bahan bacaan dan sebagainya, difahami kandungan maklumat tersebut sebelum diterangkan dengan cara yang tersendiri. Maka dalam kajian literatur ini, akan diterangkan latar belakang bidang yang berkaitan dengan kajian-kajian yang telah dilaksanakan.

Di antara kajian yang dilakukan ialah keperluan kajian dan kriteria-kriteria yang perlu dipertimbangkan dalam proses cadangan kursus.

2.2 Kajian Terhadap Keperluan Projek

Bagi mendapatkan maklumat keperluan projek, kajian terhadap sistem yang terdahulu dijalankan. Ianya bertujuan untuk mengenalpasti data-data yang perlu ada pada sistem di samping memperbaiki setiap kelemahan yang terdapat pada sistem yang terdahulu. Hasil terhadap kajian yang telah dilaksanakan pada sistem yang sedia ada telah dinyatakan dalam **BAB 1** bahagian **Latar Belakang Masalah**.

Selain itu, bagi mendapatkan maklum balas daripada pengguna akhir, borang kaji selidik diedarkan kepada pengguna akhir. Ini bertujuan untuk meminta pandangan pengguna akhir berkaitan penerimaan mereka terhadap kajian yang dijalankan. Hasil daripada soal selidik ini juga dapat membantu mengenalpasti keperluan menjalankan kajian ini. Soalan kaji selidik boleh dilihat pada **Lampiran B1** bagi prototaip yang telah dibangunkan dan hasil soal selidik boleh dilihat pada **Lampiran B2**.

2.3 Kajian dalam Pemilihan Kerjaya dan Bidang Pengajian

Menurut Nur Shahrizan Binti Abdul Jalal [1] terdapat dua teknik utama yang digunakan oleh para kaunselor dalam membimbing pelajar atau pemohon IPT dalam memilih kursus IPT yang bersesuaian dengan minat dan kebolehan mereka. Dua teknik tersebut ialah :

2.3.1 Self Directed Search (SDS)

Self Directed Search merupakan panduan ke arah pengurusan pembelajaran dan kerja. SDS ini berdasarkan kajian terhadap bagaimana manusia memilih bidang kerjaya masing-masing. Teknik SDS digunakan secara meluas di serata dunia.

2.3.2 Work Values Inventory

Dalam teknik ini, terdapat sebanyak 45 pernyataan yang digunakan untuk mengukur nilai 15 jenis kerja. Jumlah markah yang diperolehi bagi seseorang individu tersebut dalam nilai kerja akan mewakili perkara yang perlu dititikberatkan oleh seseorang individu itu dalam kerjayanya.

2.4 Justifikasi Kaedah Pemilihan Kursus

Menurut Dr. John Holland [4],[15] terdapat dua jenis *Self Directed Search* yang ditemui iaitu SDS yang utama dan *SDS Form E (Easy)*. SDS yang utama disasarkan kepada golongan individu yang normal yang merangkumi enam karektor Kod Holland. Manakala *SDS Form E*, hanya terdapat dua karektor Kod Holland yang disasarkan kepada individu yang mengalami masalah membaca dan tidak mendapat pendidikan yang secukupnya seperti hanya belajar sehingga peringkat sekolah rendah.

Daripada dua teknik SDS tersebut, teknik SDS yang utama digunakan dalam Kajian Pengujian Kendiri Pelajar Menggunakan Pengelasan Keputusan Pintar yang telah dibangunkan. Pengguna hanya perlu menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dan kajian mencadangkan kursus-kursus di UTM yang bersesuaian dengan jawapan bagi soalan-soalan tersebut dan dibandingkan dengan keputusan peperiksaan sama ada keputusan peperiksaan SPM, STPM atau matrikulasi.

2.4.1 Teori *Self Directed Search* (SDS)

Teori *Self Directed Search* (SDS) yang dikemukakan oleh Dr John Holland [4],[15] merupakan satu bentuk alatan yang digunakan untuk mentafsir diri seseorang dan dapat membantu memberi cadangan peluang pekerjaan yang sesuai dengan diri mereka. Pengguna hanya perlu menjawab soalan-soalan SDS berdasarkan minat, kecekapan, keyakinan, aktiviti serta cita-cita mereka. Teori SDS ini direkabentuk untuk membantu pelajar dan golongan dewasa mencari peluang pekerjaan, pembelajaran dan pengurusan kerjaya.

SDS telah dicipta oleh Dr John Holland pada tahun 1971 [4],[15] berdasarkan kajian beliau terhadap pembentukan personaliti manusia terhadap persekitaran tempat kerja. Teori 'RIASEC' yang dikemukakan oleh beliau dikategorikan berdasarkan enam

jenis personaliti iaitu *Realistic*, *Investigative*, *Artistic*, *Social*, *Enterprising* dan *Conventional*.

2.4.1.1 *Realistic (R)*

Jenis R ini biasanya sukakan bekerja dengan benda daripada bekerja dengan orang. Jenis R boleh dikatakan sebagai jujur, asli, keras kepala, berterus terang, rendah diri, materialistik, sederhana, normal, tekun, praktikal, pemalu dan berjimat cermat.

Antara kerjaya yang boleh diceburi oleh orang yang memiliki ciri-ciri R ialah mekanik, juruteknik elektrik, pekebun, juruarah pesawat dan juruukur. Mereka ini biasanya memiliki kebolehan dalam mekanikal dan aktif bersukan serta suka bekerja di luar pejabat dan bekerja dengan mesin dan peralatan.

2.4.1.2 *Investigative (I)*

Jenis I biasanya suka menjelajah dan memahami sesuatu perkara atau kejadian daripada meyakinkan seseorang atau menjual barang-barang. Jenis I ini boleh dikatakan sebagai analitik, berhati-hati, kompleks, kritikal, bersifat ingin tahu, bebas, intelektual, tepat, waras dan tidak ramah.

Antara kerjaya yang boleh diceburi oleh golongan jenis I ini ialah ahli biologi, ahli fizik, ahli kaji manusia, pembantu makmal dan juruteknik perubatan. Jenis I ini biasanya berkeupayaan dalam bidang matematik dan sains dan mereka suka bekerja bersendirian untuk menyelesaikan masalah.

2.4.1.3 *Artistic (A)*

Jenis A biasanya suka bekerja dengan menyumbangkan idea-idea yang kreatif dan ekspresi diri sendiri. Golongan ini tidak terkongkong dengan rutin dan peraturan. Jenis A ini boleh dikategorikan sebagai seorang yang rumit, emosi, mempunyai idea yang banyak, suka berimajinasi, bebas, bersifat terbuka, tidak praktikal dan bersifat dorongan.

Mereka yang tergolong dalam jenis A ini boleh menjadi komposer, pemuzik, pengarah pentas, penari, perekabentuk hiasan dalaman rumah, pelakon, dan penulis. Mereka ini biasanya mempunyai kebolehan artistik, menikmati ciptaan kerja yang asli dan mempunyai daya imaginasi yang bagus.

2.4.1.4 *Social (S)*

Jenis S biasanya suka membantu, mengajar, dan membimbing orang. Mereka ini tidak suka melibatkan diri dengan alatan mekanikal atau teknikal. Mereka yang tergolong dalam jenis S ini boleh dikategorikan sebagai suka meyakinkan orang, bersifat bekerjasama, mudah mesra, baik hati, suka membantu, penyabar, bertanggungjawab, sosial, dan seorang yang memahami.

Antara kerjaya yang boleh diceburi oleh golongan ini ialah guru, ahli terapi, pekerja keagamaan, kaunselor, dan jururawat. Mereka ini biasanya suka berada bersama orang, suka melihat bagaimana manusia mesra sesama mereka, dan suka membantu mereka yang mempunyai masalah.

2.4.1.5 *Enterprising (E)*

Jenis E biasanya suka kepada meyakinkan atau mengarah orang lain. Golongan ini tidak suka dikaitkan dengan bidang saintifik atau topik yang rumit. Mereka yang tergolong dalam jenis E ini boleh dikategorikan sebagai suka memperoleh, suka mengembara, menyenangkan, bercita-cita, menguasai, bertenaga, optimistik, popular, yakin pada diri sendiri dan bersosial.

Antara kerjaya yang boleh diceburi oleh golongan ini ialah pembeli, pengajur sukan, produser televisyen, ahli perniagaan, jurujual, ejen pelancongan, dan pengarah. Mereka ini biasanya mempunyai kepimpinan yang tinggi dan mempunyai kebolehan bercakap di khalayak ramai serta minat terhadap duit dan politik.


2.4.1.6 *Conventional (C)*

Jenis C biasanya suka mengikut rutin yang telah ditetapkan, mengelakkan kerja yang tidak mempunyai arah tujuan dan suka mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Mereka yang tergolong dalam jenis C ini boleh dikatakan sebagai seorang yang berhati-hati, sesuai, cekap, penghalang, patuh, tertib, praktikal dan tidak mempunyai daya imaginasi.

Antara kerjaya yang sesuai bagi golongan ini ialah analisis kewangan, akauntan, pakar cukai, setiausaha, dan penyampai radio. Golongan jenis C ini mempunyai kebolehan dalam matematik dan suka bekerja di dalam pejabat serta suka mengatur sesuatu.

2.4.2 Hubungan komponen-komponen dalam SDS

Rajah 2.1 berikut menunjukkan sebuah heksagon digunakan untuk menunjukkan persamaan dan perbezaan bagi keenam-enam komponen SDS. Komponen yang bersebelahan di antara satu sama lain mempunyai persamaan yang ketara. Sebagai contoh, komponen *Realistic* mempunyai kecenderungan minat yang sama dengan komponen *Investigative* dan *Conventional*, tetapi komponen *Realistic* ini mempunyai perbezaan yang ketara dengan komponen *Artistic*, *Enterprising* dan *Social*.



Rajah 2.1 Hubungan komponen-komponen SDS [4]

2.4.3 Cara penilaian SDS

Dr John Holland telah menyediakan satu contoh bagaimana untuk menilai SDS. Setelah menyempurnakan segala pernyataan-pernyataan SDS yang diberikan, hasilnya akan menyatakan apa yang pengguna minat dan boleh lakukan. Tiga komponen RIASEC yang mempunyai jumlah markah yang tertinggi akan mewakili tiga kod Holland pengguna. Kod ini secara amnya menyatakan minat dan kecenderungan pengguna tersebut.

Minat pengguna biasanya gabungan daripada tiga komponen iaitu E,S dan C. Huruf yang pertama menerangkan jenis yang hampir sama, huruf yang kedua menerangkan jenis yang kedua hampir sama dan begitulah seterusnya. Komponen yang tidak terdapat dalam tiga kod Holland pengguna merupakan jenis yang tidak hampir dengan minat dan kebolehan pengguna tersebut.

Sebagai contoh, markah yang diperolehi oleh pengguna ialah R=21, I=22, A=21, S=39, E=46, dan C=31. Maka tiga kod Holland yang diperolehi ialah ESC. Andaikan bahawa komponen RIASEC ini merupakan sebiji kek. Semakin besar bahagian kek itu, maka semakin besar minat dan kebolehan pengguna pada komponen tersebut.

2.5 Kriteria Dalam Pemilihan Kursus

Menurut Dr John Holland, kriteria-kriteria yang diperlukan ketika memilih sesuatu kursus atau kerjaya ialah

1. minat
2. kecekapan
3. keyakinan
4. aktiviti
5. cita-cita

2.6 Kajian Mengenai Sistem Pakar

Menurut Jackson, P [5], sistem pakar merupakan sebuah sistem yang menggunakan kepakaran manusia yang tersimpan di dalam komputer yang digunakan untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang lazimnya memerlukan kepakaran tertentu. Sistem ini seharusnya boleh digunakan oleh mereka yang tidak pakar bagi memberi penyelesaian kepada permasalahan yang sukar. Selain itu, sistem ini juga seharusnya boleh diandaikan sebagai pembantu yang berpengetahuan di dalam sesuatu bidang. Sistem pakar yang baik dapat menyelesaikan masalah dengan lebih sempurna, berbanding dengan seorang pakar yang hanya mempunyai kepakaran dalam bidang kepakaran tertentu semata-mata.

2.6.1 Konsep Sistem Pakar

Terdapat lima konsep asas bagi sesebuah sistem pakar, iaitu: kepakaran, pakar, pemindahan kepakaran, petua pentadbiran dan kebolehan memberi penjelasan. Kelima-lima konsep ini akan dibincangkan dengan ringkas seperti berikut.

2.6.1.1 Kepakaran

Kepakaran boleh didefinisikan sebagai pengetahuan mendalam dan menyeluruh mengenai tugas tertentu yang amat luas. Sebagaimana yang diketahui, pengetahuan sebegini selalunya dicapai melalui latihan, pembacaan dan pengalaman seseorang yang telah bertugas untuk satu jangka masa yang agak panjang di dalam bidang yang tersebut. Sememangnya penentuan kepakaran seseorang adalah sesuatu yang rumit dan membebankan, namun secara ringkasnya beberapa aspek kepakaran bolehlah dibahagikan seperti berikut:

1. Pengetahuan mengenai fakta berkenaan bidang masalah
2. Pengetahuan mengenai teori bidang masalah

3. Pengetahuan mengenai kaedah dan prosedur penyelesaian yang pantas berkenaan bidang masalah secara umum

2.6.1.2 Pakar

Mereka yang pakar boleh dikatakan mewakili satu daripada seribu orang di dalam sesuatu bidang, dan taburan kepakaran ini didapati adalah hampir sama untuk apa jua jenis bidang pengetahuan. Kepakaran seseorang individu itu pula pada kebiasaannya terbina melalui beberapa aktiviti seperti berikut:

1. Penentuan masalah
2. Penyelesaian masalah dengan cepat dan tepat
3. Penjelasan melalui pengalaman
4. Penstrukturan pengetahuan

Seseorang pakar seharusnya mampu menyelesaikan apa jua masalah yang diberikan kepadanya, walaupun di dalam keadaan yang kurang jelas, dan kemudian tidak mencukupi. Seseorang yang bergelar pakar seharusnya juga mampu dan berkebolehan untuk melakukan perkara-perkara berikut:

1. Memberi penerangan ke atas sebarang keputusan yang diambil
2. Mempelajari sesuatu yang baru mengenai domain
3. Menstruktur semula pengetahuan apabila diperlukan

2.6.1.3 Pemindahan kepakaran

Objektif pembangunan sesebuah sistem pakar boleh diringkaskan sebagai pemindahan pengetahuan kepakaran daripada seorang pakar ke dalam sebuah kajian komputer, dan kemudiannya kepada pengguna akhiran yang bukan pakar. Proses pemindahan ini selalunya melibatkan empat jenis aktiviti yang boleh disenaraikan seperti berikut:

1. Perolehan pengetahuan - daripada seorang atau lebih pakar, atau sumber-sumber lain
2. Perwakilan pengetahuan - untuk dimasukkan ke dalam sesebuah pangkalan pengetahuan sistem pakar
3. Pentaabiran pengetahuan - menentukan bagaimana sesuatu maklumat di dalam pangkalan pengetahuan boleh dicapai
4. Pemindahan pengetahuan - kepada pengguna akhir

2.6.1.4 Pentadbiran


Ciri istimewa sesebuah sistem pakar terletak pada kebolehannya untuk memberikan penerangan kepada setiap keputusan, nasihat, atau panduan yang diberikan kepada pengguna akhir. Kebolehan memberi penerangan yang dimaksudkan di sini dicapai melalui sebuah proses yang dinamakan pentadbiran. Proses ini secara ringkasnya membolehkan sesebuah program komputer mencapai kepakaran yang tersimpan di dalam pangkalan pengetahuannya, lalu disalurkan kepada pengguna akhir di dalam bentuk yang berguna. Proses pentadbiran ini dijalankan oleh komponen yang dinamai enjin pentadbiran yang terdiri dari senarai prosedur berkenaan penyelesaian sesuatu masalah di dalam domain yang dipilih.

2.6.1.5 Petua

Kebanyakan sistem pakar boleh didapati di pasaran komersil adalah kajian yang berasaskan petua. Kajian sebegini menyimpan sebahagian besar pengetahuannya di dalam bentuk senarai petua-petua, sebagaimana prosedur penyelesaian masalah itu sendiri. Manakala untuk sesetengah aplikasi pula, perwakilan kerangka digunakan bagi menyempurnakan proses perwakilan petua bagi penyelesaian apa jua masalah berkaitan dengan domain yang dipilih.

2.6.2 Struktur Sistem Pakar

Sistem pakar secara asasnya terdiri dari dua komponen persekitaran yang utama, iaitu persekitaran pembangunan dan persekitaran khidmat nasihat. Persekitaran pembangunan sesebuah sistem pakar selalunya digunakan oleh para pembangun kajian untuk membina kesemua komponen yang diperlukan dan memperkenalkan pengetahuan untuk domain yang dipilih ke dalam pangkalan pengetahuan kajian. Persekitaran khidmat nasihat pula digunakan oleh pengguna akhiran kajian bagi memperoleh pengetahuan, panduan, dan nasihat kepakaran di dalam domain pilihannya. Komponen-komponen yang biasanya terdapat pada setiap sistem pakar boleh disenaraikan seperti berikut:



Rajah 2.2 Struktur Asas Sistem Pakar [5]

2.6.2.1 Subkajian capaian pengetahuan

Proses capaian pengetahuan boleh diringkaskan sebagai sebuah proses yang meliputi beberapa peringkat seperti pengumpulan, pemindahan, dan transformasi

kepakaran penyelesaian masalah, bermula dari sumber pengetahuan yang dipilih ke sesebuah program komputer untuk digunakan bagi membangun dan mengembangkan pangkalan pengetahuan kajian. Sumber pengetahuan yang digunakan di sini termasuklah pengetahuan dari pakar manusia, buku teks, pangkalan data, maklumat grafik, dan lain-lain.

2.6.2.2 Pangkalan pengetahuan

Pangkalan pengetahuan sesebuah sistem pakar terdiri dari beberapa jenis pengetahuan yang diperlukan untuk proses pemahaman, pembentukan formula, dan akhirnya penyelesaian masalah. Komponen ini juga mengandungi dua unsur asas, iaitu fakta dan heuristik khusus.

2.6.2.3 Enjin pentadbiran

Komponen enjin pentadbiran kajian boleh diibaratkan sebagai 'otak' kepada sesebuah sistem pakar, di mana ia merupakan sebuah program komputer yang menyediakan metodologi atau tatacara untuk proses penaakulan (*reasoning*) pengetahuan. Secara ringkasnya komponen ini terdiri dari tiga unsur utama:


- Penterjemah (*interpreter*) - berfungsi menjalankan agenda yang dipilih dengan menggunakan petua pangkalan pengetahuan yang dibangunkan
- Penjadual (*scheduler*) - berfungsi mengekalkan kawalan terhadap agenda yang dipilih
- Penguatkuasa ketetapan (*consistency enforcer*) - berfungsi mengekalkan proses perwakilan yang konsisten terhadap keputusan keluaran kajian

2.6.2.3.1 Rantaian ke belakang

Kajian rantaian ke belakang [11],[14] adalah kajian yang bekerja daripada matlamat atau hipotesis kepada fakta yang diketahui. Kajian ini akan bermula dari

bahagian *THEN* dan menuju ke bahagian *IF*. Permulaan adalah untuk membuktikan matlamat dan segala fakta yang diperlukan dikeluarkan untuk mencapai sesuatu tujuan yang dikehendaki. Secara amnya, kaedah ini digunakan apabila matlamat atau hipotesis dipilih sebagai titik permulaan dalam penyelesaian masalah. Contoh penggunaan kajian rantaian ke belakang seperti yang ditunjukkan dalam rajah 2.3

:



Rajah 2.3 Contoh Penggunaan Rantaian Ke Belakang [14]

```
IF RIE THEN SCK
```

```
IF SCK {
```

```
    IF ( Mathematics ialah lebih atau sama dengan 2.00 ) AND ( Chemistry
    ialah lebih atau sama dengan 2.00 ) AND ( Biology ialah lebih atau sama
    dengan 2.00 ) THEN Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer
```

```
    ELSE { maaf tiada kursus yang sesuai dengan kelayakan anda }
```

```
}
```

Gol atau matlamat di sini ialah untuk memberitahu sama ada kursus yang bersesuaian akan dipaparkan atau pun tidak. Peraturan nombor 2 dipilih kerana ia merupakan huraian terhadap matlamat yang dicari.

2.6.2.4 Ruang kerja

Ruang kerja pula adalah sebuah kawasan set ingatan bekerja untuk kajian, selain turut digunakan sebagai kawasan simpanan keputusan awal. Tiga jenis keputusan yang boleh disimpan oleh ruang kerja termasuklah perancangan, agenda, dan penyelesaian.

2.6.2.5 Antaramuka pengguna

Komunikasi yang baik selalunya dapat dilakukan apabila antaramuka pengguna yang dibangunkan menggunakan bahasa tabii selain dari paparan menu dan grafik yang menarik.

2.6.3 Kebaikan dan Kelemahan Sistem Pakar

Di antara kebaikan dan kelemahan sistem pakar seperti berikut:

2.6.3.1 Kebaikan sistem pakar ialah :

1. Menggabungkan beberapa kepakaran dalam masa yang sama
2. Mempunyai maklum balas yang agak pantas
3. Hasil yang diperolehi konsisten
4. Meningkatkan kebergantungan atau kepercayaan pada keputusan yang diperolehi

2.6.3.2 Kelemahan sistem pakar ialah:

1. Kesukaran mendapatkan kepercayaan daripada pengguna kajian
 - o Tidak sesuai digunakan untuk situasi yang tidak tetap seperti masalah berkaitan dengan ekonomi

2.7 Kajian Terhadap Sistem yang telah Sedia Ada

Kajian ini merupakan kajian yang dilakukan terhadap kajian yang sedia ada atau kajian yang seumpamanya. Ini bertujuan untuk mengenalpasti dan mendapatkan maklum balas daripada pengguna terhadap kajian yang telah dibangunkan. Hasil responden digunakan untuk menghasilkan kajian yang lebih baik.

Antara kajian yang telah dikaji ialah Kajian Cadangan Kursus IPT Secara Atas Talian yang dibangunkan oleh Nur Shahrizan Binti Abdul Jalal.

2.7.1 Sistem Cadangan Kursus IPT Secara Atas Talian

Sistem yang telah dibangunkan oleh Nur Shahrizan [1] ini telah dikaji dengan teliti bagi mengenal pasti segala masalah atau kelemahan yang mungkin terdapat pada kajian tersebut. Kajian ini penting untuk dijadikan sebagai panduan terhadap pembangunan prototaip kajian Pengujian Kendiri Pelajar Menggunakan Pengelasan Keputusan Pintar. Kaedah kajian yang telah digunakan iaitu pemantauan atau pemerhatian.

2.7.1.1 Pemerhatian dan soal selidik

Pemerhatian atau pemantauan dilakukan ke atas keseluruhan kajian yang dibangunkan oleh Nur Shahrizan. Kajian diuji dari segi aspek pemohon IPT dan juga penyelenggara sistem. Hasil daripada ujikaji mendapati terdapat banyak kelemahan-kelemahan yang ketara yang perlu diperbaiki. Antara kelemahan-kelemahan tersebut ialah tiada pangkalan data pada kajian, rekabentuk antaramuka yang kurang menarik serta kursus IPT yang dijana oleh kajian adalah berdasarkan kepada minat dan kebolehan sahaja.

Segala permasalahan yang telah dikenal pasti dikaji dengan teliti dan penyelesaian terhadap segala masalah tersebut diatasi. Penyelesaian ini penting bagi memastikan kajian yang dibangunkan tidak akan mengalami masalah yang sama seperti sistem yang sedia ada.

2.7.2 Sistem Bantuan Pemilihan Kursus Ke IPTA Berasaskan Web

Tujuan utama projek yang dibangunkan oleh Norwahidah Binti Wahid [2] ini adalah untuk kegunaan para pelajar lepasan SPM yang ingin melanjutkan pelajaran ke IPTA. Sistem ini membantu pelajar dalam memberi beberapa senarai kursus yang bersesuaian dengan kelayakan dan minat pelajar. Pembangunan sistem ini menggunakan metodologi prototaip evolusi serta perisian ASP digunakan untuk kajian ini.

Cara sistem ini berfungsi ialah dengan memasukkan keputusan SPM dan minat mereka. Sistem akan memadankan kursus yang bersesuaian dengan menggunakan set peraturan. Peraturan ini adalah dalam bentuk *prosidural knowledge*. Ianya berfungsi dengan menggabungkan satu matlumat dengan maklumat yang lain untuk menghasilkan satu output. Struktur bagi peraturan secara logik yang menggabungkan satu atau lebih *antecedents* yang ada di dalam **IF** kepada satu atau lebih *consequencts* yang ada dalam **THEN**. Contohnya

```
IF subjekBMpelajar <= SubjekBM
    THEN counter=1;
```

Dalam memadankan input dengan kursus yang bersesuaian, sistem ini telah menggunakan dua pendekatan strategi carian ruang keadaan. Strategi carian tersebut ialah carian berpandukan data dan carian berpandukan *goal*. Bagi berpandukan data atau rantaian ke hadapan, carian dimulakan dengan memasukkan peraturan dan fakta untuk menghasilkan fakta baru yang digunakan oleh peraturan untuk menjana fakta yang baru yang lain. Proses ini berterusan sehingga hasil yang diinginkan tercapai. Bagi carian berpandukan *goal* pula, *goal* digunakan untuk menentukan peraturan atau pergerakan yang dibenarkan. *Goal* digunakan untuk menjana subgoal sehingga sampai semula kepada fakta-fakta bagi sesuatu masalah.

Bagi antaramuka kajian ini pula, pembangun telah menghasilkan rekabentuk yang agak ringkas. Pengguna hanya perlu memilih keputusan SPM dengan memilih gred yang

disediakan menggunakan kaedah pilihan. Setelah proses input selesai, output yang terhasil akan memaparkan senarai input pengguna yang terdiri daripada pangkat SPM, agregat, keputusan SPM bagi setiap subjek dan kursus yang dicadangkan oleh sistem. Selain itu, pada laman web sistem ini, beberapa bebutang untuk kemudahan pengguna seperti *SITE MAP*, *LINK* dan *CARIAN* disediakan.

2.7.3 Sistem Permohonan dan Pengesahan Permohonan Ke IPTA Berasaskan Web

Sistem yang dibangunkan oleh Nurhafizah Binti Zainuddin [3] ini menyediakan kemudahan kepada lepasan SPM dan STPM dalam membuat permohonan ke IPTA. Sistem ini menggantikan sistem UPU yang digunapakai ketika ini iaitu pengisian borang secara manual. Sistem ini memudahkan pengguna yang memohon melalui laman web mengisi borang permohonan, membetulkan kesilapan pengisian borang, menghantar borang dan melihat status permohonan.

Pemohon-pemohon yang ingin membuat permohonan boleh mendapatkan borang permohonan melalui laman web KPM. Borang yang telah dilengkapkan dan disemak akan dihantar kepada KPM. Selain daripada itu, pengguna boleh mencapai beberapa maklumat seperti cara-cara pengisian borang, syarat-syarat kemasukan ke IPTA dan sebagainya.

Selepas borang dihantar kajian akan menyemak kelayakan pemohon dan kemudian memaparkan kembali kepada pemohon sama ada layak atau tidak layak memohon. Sistem ini dapat memberi cadangan kepada pemohon yang tidak layak memohon ke Tingkatan 6, politeknik atau institusi pengajian lain. Pihak PKM akan menyemak borang yang dihantar dan akan memproses maklumat tersebut berdasarkan mata nilai.

Antaramuka sistem ini agak menarik dan penuh dengan maklumat yang berguna. Segala spesifikasi input dan output dipaparkan dengan tersusun. Penggunaan warna agak

tidak menarik kerana kajian menggabungkan penggunaan warna ungu dan kuning. Bagi spesifikasi input, pengguna hanya perlu memasukkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan keperluan sistem dan sistem menentukan sama ada pemohon layak mengikuti kursus yang dipilih berdasarkan kiraan mata nilai.

2.7.4 Rumusan Terhadap Kajian Sistem Sedia Ada

Daripada kajian yang telah dilaksanakan pada ketiga-tiga sistem, didapati bahawa Sistem Permohonan dan Pengesahan Permohonan Ke IPTA Berasaskan Web yang dibangunkan oleh Nurhafizah lebih menumpukan kepada permohonan ke IPTA seperti yang terdapat pada borang UPU yang digunakan pada masa sekarang. Manakala bagi Sistem Cadangan Kursus IPT Secara Atas Talian dan Sistem Bantuan Pemilihan Kursus Ke IPTA Berasaskan Web pula, kedua-dua sistem ini mempunyai tujuan dan matlamat yang sama.

Cuma yang membezakan di antara kedua-dua kajian ini ialah teknik yang digunakan. Sistem yang dibangunkan oleh Nurwahidah mengadaptasikan kepintaran buatan dengan pemohon IPT perlu memasukkan gred keputusan SPM yang diperolehi dan sistem akan menjana kursus IPT yang bersesuaian dengan keputusan SPM yang diperolehi. Sistem yang dibangunkan oleh Nur Shahrizan pula menggunakan teknik SDS untuk menjana kursus yang bersesuaian dengan minat dan kebolehan pemohon IPT. Pemohon IPT perlu menjawab pernyataan SDS dan sistem akan menjanakan kursus yang bersesuaian dengan minat dan kebolehan pemohon IPT itu sendiri.

2.8 Ringkasan

Secara keseluruhannya, kajian-kajian yang dilakukan terhadap sistem yang sedia ada membantu dalam usaha mengenal pasti komponen-komponen yang diperlukan untuk pembangunan pangkalan pengetahuan ini. Beberapa siri pengujian telah dilakukan berdasarkan pemerhatian. Ini bertujuan untuk mencari kelemahan yang terdapat pada sistem sedia ada.

BAB III

METODOLOGI


3.1 Pendahuluan

Metodologi merupakan penerangan keseluruhan proses pembangunan sesuatu projek. Ia menerangkan urutan aktiviti-aktiviti yang diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Setiap metodologi mengandungi beberapa fasa tertakrif dan setiap fasa ini mempunyai matlamat yang tersendiri. Pemilihan metodologi yang bersesuaian dengan projek amat penting untuk memastikan pembangunan projek lebih sistematik dan lancar.


Dalam bahagian ini, terdapat enam fasa utama yang digunakan untuk keseluruhan pembangunan kajian. Fasa-fasa tersebut ialah:

1. Fasa Perancangan
2. Fasa Analisa Keperluan
3. Fasa Rekabentuk
4. Fasa Implementasi
5. Fasa Verifikasi dan Validasi
6. Fasa Operasi dan Penyelenggaraan

Setiap fasa yang terlibat digambarkan secara carta alir pada Rajah 3.1a dan Rajah 3.1b.



Rajah 3.1a Carta Alir Kajian bagi Fasa Perancangan dan Analisa Keperluan



Rajah 3.1b Carta Alir Kajian bagi Fasa Rekabentuk, Implementasi, Verifikasi & Validasi serta Operasi & Penyelenggaraan

3.2 Fasa Perancangan

Fasa perancangan merupakan fasa pertama dalam pembangunan projek ini. Fasa ini merupakan subset kepada aktiviti pengurusan projek dan mungkin digunakan semula pada pertengahan projek jika berlaku sebarang masalah. Antara masalah yang dijangka akan berlaku ialah kebolehan sesuatu perisian yang digunakan terhadap kajian. Matlamat utama dalam fasa ini ialah mengkaji sistem yang sedia ada dan mengenal pasti objektif dan skop.

3.2.1 Mengkaji Sistem Sedia Ada

Pada peringkat ini, satu kajian telah dijalankan terhadap Sistem Cadangan Kursus IPT Secara Atas Talian yang telah dibuat oleh Nur Shahrizan Binti Abdul Jalal. Kajian ini penting memandangkan kajian yang dilaksanakan ini merupakan pembaikan projek yang telah dilakukan oleh Nur Shahrizan. Antara perkara yang dikaji terhadap kajian tersebut ialah kelemahan-kelemahan yang terdapat pada sistem itu.

Kelemahan-kelemahan yang diperolehi digunakan sebagai objektif kajian. Hasil kajian terhadap sistem sedia ada itu telah dinyatakan dalam **BAB I** bahagian **Latar Belakang Masalah**.

Selain daripada itu, kajian terhadap sistem yang lain juga telah dilakukan. Sistem yang dipilih ialah Sistem Bantuan Pemilihan Kursus Ke IPTA Berasaskan Web yang dibangunkan oleh Norwahidah Binti Wahid dan Sistem Permohonan dan Pengesahan Permohonan Ke IPTA Berasaskan Web yang dibangunkan oleh Norhafizah Binti Zainuddin. Hasil kajian telah dinyatakan dalam **BAB II**.

3.2.2 Penetapan Objektif dan Skop

Peringkat penetapan objektif dan skop dilaksanakan setelah kajian terhadap sistem sedia ada telah dilaksanakan. Penetapan objektif lebih tertumpu kepada penyelesaian kelemahan yang terdapat pada sistem sedia ada.

Manakala pada peringkat skop pula, telah dinyatakan lingkungan kajian yang telah dibangunkan. Penetapan skop tertumpu kepada spesifikasi umum yang perlu ada pada kajian dan pengguna yang terlibat dengan kajian. Pernyataan skop telah diterangkan dalam **BAB I** bahagian **Skop Projek**.

3.3 Fasa Analisa Keperluan

Matlamat utama fasa analisa keperluan adalah untuk menyelidiki keperluan kajian yang dibangunkan. Maklumat yang diperolehi akan dikumpulkan dan dianalisis serta diteliti terlebih dahulu sebelum sesuatu keputusan diambil. Output utama fasa ini ialah spesifikasi perisian iaitu pernyataan terperinci mengenai fungsi-fungsi yang terdapat dalam kajian.

Antara analisa utama yang dijalankan ialah analisis terhadap sistem pakar, penentuan bentuk pangkalan pengetahuan dan parameter yang akan digunakan dalam kajian.

3.3.1 Analisis Sistem Pakar

Analisis sistem pakar dilakukan kerana kajian yang dibangunkan ini berkonsepkan sistem pakar. Ini kerana Kajian Pengujian Kendiri Pelajar Menggunakan Pengelasan Keputusan Pintar ini berteraskan sistem pakar yang menjana cadangan kursus di UTM yang bersesuaian dengan minat dan kebolehan serta keputusan peperiksaan

pengguna. Sistem pakar merupakan kepakaran buatan yang menggunakan kepakaran manusia untuk diimplementasikan pada sesuatu kajian atau perisian. Penerangan terhadap sistem pakar telah dinyatakan pada **BAB II** bahagian **Kajian Terhadap Sistem Pakar**.

3.3.2 Kajian Penentuan Pangkalan Pengetahuan

Pada peringkat ini, beberapa kajian terhadap pangkalan pengetahuan telah dilaksanakan. Ini bertujuan untuk menghasilkan pangkalan pengetahuan yang bersesuaian dengan tujuan pembangunannya. Senarai pangkalan pengetahuan untuk SDS diberikan dalam **Lampiran A1** dan padanan kod kursus di UTM dan kod SDS ditunjukkan dalam **Lampiran A2**. Borang asal ujian minat kerjaya yang diperolehi dari Pusat Kaunseling dan Kerjaya UTM, Skudai disertakan dalam **Lampiran A**. Borang ini merupakan rujukan utama untuk implementasi pernyataan dalam SDS.

3.4 Fasa Rekabentuk

Dalam fasa rekabentuk, menjelaskan lagi bagaimana kajian dapat menyelesaikan masalah seperti yang telah dinyatakan dalam **BAB I** bahagian **Latar Belakang Masalah**. Aktiviti dalam fasa rekabentuk perisian bertujuan untuk menterjemahkan fungsi-fungsi atau proses dalam spesifikasi keperluan kepada komponen-komponen kajian.

3.4.1 Bina Notasi

Rajah *Use Case*, Rajah Kelas dan Rajah Jujukan dibina untuk menerangkan secara keseluruhan perjalanan pembangunan pangkalan pengetahuan dan prototaip yang dibangunkan. Penerangan yang lebih lanjut dinyatakan dalam **BAB IV**.

3.4.2 Bina Prototaip Berdasarkan Kajian

Berpandukan hasil daripada analisa keperluan yang dijalankan, garis panduan yang diperolehi digunakan untuk menghasilkan prototaip. Kajian yang dibangunkan ini adalah jelas berdasarkan objektif dan skop yang telah ditetapkan. Pembangunan pangkalan pengetahuan dan prototaip ini perlu diuji untuk mengenal pasti sebarang masalah supaya pembetulan terhadap kajian dapat dilakukan .

3.5 Fasa Implementasi

Prototaip yang dibangunkan diuji oleh dua pengguna yang utama iaitu penyelenggara dan pemohon IPT.

Pemohon IPT perlu memasukkan keputusan peperiksaan dan menjawab pernyataan-pernyataan SDS yang telah disediakan.

Pernyataan-pernyataan SDS tersebut terdiri daripada enam kod Holland iaitu *Realistic*, *Investigative*, *Artistic*, *Social*, *Enterprising* dan *Conventional*. Pemohon IPT hanya perlu tandakan pada kotak 'Ya' atau 'Tidak' yang telah disediakan pada setiap pernyataan. Setelah selesai menjawab, prototaip akan menjanakan beberapa cadangan kursus yang bersesuaian dengan minat dan kebolehan pemohon IPT tersebut. Paparan output yang terdiri daripada nama pemohon IPT serta cadangan kursus akan dipaparkan.

Bagi penyelenggara pula, mereka boleh menambah, membuang, atau menyunting setiap pernyataan SDS atau kursus IPT yang ditawarkan di UTM. Rajah 4.1 pada **BAB IV** bahagian **Senario Kajian** menunjukkan rajah aliran semasa prototaip. Penerangan keseluruhan perjalanan kajian diterangkan dengan lebih lanjut dalam **BAB V**.

3.6 Fasa Verifikasi dan Validasi

Dalam fasa ini, kajian yang dibina disemak dan disahkan sebelum ia diuji kepada pengguna. Prototaip diuji, disemak dan disahkan dengan menggunakan sampel data. Dalam projek ini, prototaip dilaksanakan atau diuji dan output yang terhasil dibandingkan dengan output yang dijangkakan. Sebagai contoh, dalam pengiraan jumlah bagi setiap kod RIASEC yang terlibat.

Berikut disenaraikan proses-proses yang terlibat dalam fasa ini:

1. Spesifikasi input dan output
2. Kenal pasti masalah
3. Perbaiki prototaip

3.6.1 Spesifikasi Input dan Output

Bagi kajian yang telah siap dibina, perkara yang paling utama yang diuji ialah tahap keberkesanan prototaip tersebut melaksanakan setiap arahan yang diterima daripada pengguna dan penyelenggara. Kajian yang berkonsepkan sistem pakar ini seharusnya dapat menjana cadangan kursus IPT dengan tepat. Berikut diterangkan spesifikasi input dan output yang diuji.

3.6.1.1 Spesifikasi Input Pemohon

Pada bahagian ini, pemohon perlu memberikan maklumat mengenai keputusan peperiksaan dan memberi maklum balas kepada pernyataan-pernyataan SDS. Pemohon hanya perlu menjawab 'Ya' atau 'Tidak'. Oleh itu kajian telah menyediakan dua pilihan jawapan tersebut menggunakan kekotak tanda (*check box*). Ujian dilakukan bagi memastikan pemohon tidak dapat memilih jawapan Ya dan Tidak pada pernyataan yang sama. Penerangan yang lebih lanjut diterangkan dalam **BAB V**.

3.6.1.2 Spesifikasi Output Pemohon

Setelah segala pernyataan SDS dijawab, prototaip akan menjana cadangan kursus IPT yang bersesuaian. Oleh itu, pangkalan pengetahuan diuji bagi menentukan output yang terhasil sama dengan output yang dijangkakan. Penerangan yang lebih lanjut diterangkan dalam **BAB V**.

3.6.1.3 Spesifikasi Input Penyelenggara

Tugas penyelenggara ialah mengemaskinikan pernyataan-pernyataan SDS dan kursus-kursus IPT. Pengemaskinian data-data amat penting bagi memberikan hasil yang lebih tepat dan konsisten. Oleh itu, prototaip diuji bagi memastikan penyelenggara dapat mengemaskinikan data-data dengan mudah dan cepat. Penyelenggara perlu menguji pengemaskinian setiap pernyataan SDS atau kursus-kursus yang ditawarkan di UTM. Penerangan yang lebih lanjut diterangkan dalam **BAB V**.

3.6.1.4 Spesifikasi Output Penyelenggara

Output yang dihasilkan setelah data-data dikemaskinikan ialah paparan maklumat-maklumat atau data-data yang baru. Ujian dilakukan bagi memastikan prototaip memaparkan data-data yang betul atau tidak. Penerangan yang lebih lanjut diterangkan dalam **BAB V**.

3.6.2 Kenalpasti Masalah

Dalam proses ini, segala masalah atau kesulitan yang terjadi hasil daripada spesifikasi input dan output prototaip dan pangkalan pengetahuan akan diperbetulkan. Ini penting untuk memastikan hasil kajian yang benar-benar boleh digunakan dengan sempurna sebelum implementasi yang sebenar kepada pengguna. Setiap masalah yang

timbul diselidiki dengan teliti sama ada ianya disebabkan ralat pada prototaip atau sebaliknya.

3.7 Fasa Operasi dan Penyelenggaraan

Fasa ini merupakan fasa yang terakhir bagi pembangunan kajian ini. Prototaip akan digunakan oleh pemohon IPT untuk mendapatkan kursus yang bersesuaian dengan kriteria yang telah ditetapkan.

Manakala penyelenggaraan boleh dilakukan oleh penyelenggara sekali untuk setiap beberapa bulan. Penyelenggaraan bergantung kepada tahap kekerapan kursus IPT atau pernyataan-pernyataan SDS dikemaskinikan (rujuk **Lampiran D4** untuk kod aturcara mengemaskini pernyataan SDS). Proses penyelenggaraan penting bagi memastikan pengguna dapat memperoleh kursus IPT yang ditawarkan di UTM sahaja.

3.8 Ringkasan

Metodologi yang digunakan ialah metodologi berupa carta alir yang mengandungi enam fasa utama yang terdiri daripada perancangan, analisa keperluan, rekabentuk, implementasi, validasi dan verifikasi serta operasi dan penyelenggaraan. Pemilihan metodologi ini berdasarkan kelebihan yang terdapat pada carta alir iaitu setiap peringkat ditakrifkan dengan teliti bagi menghasilkan kajian yang sempurna dan berkualiti tinggi.

BAB IV


ANALISA DAN REKABENTUK PROTOTAIP KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini penerangan mengenai fasa rekabentuk prototaip dan pangkalan pengetahuan yang dibangunkan akan dinyatakan dengan lebih terperinci. Perwakilan pemodelan yang digunakan ialah menggunakan pemodelan berorientasikan objek.

4.2 Rekabentuk Prototaip


Rekabentuk prototaip ini diperlukan bagi mengenal pasti antaramuka antara submodul. Ia perlu jelas supaya suatu submodul dapat menggunakan operasi submodul yang lain tanpa sebarang masalah. Rekabentuk antaramuka submodul dibentangkan menggunakan Rajah *Use Case* bagi menggambarkan perjalanan prototaip secara keseluruhan. Rajah 4.1 berikut menunjukkan Rajah *Use Case* bagi Pengujian Kendiri Pelajar Menggunakan Pengelasan Keputusan Pintar yang dikaji.



Rajah 4.1 Rajah *Use Case* Prototaip

Pada Rajah 4.1 terdapat tiga aktor yang telah dikenal pasti iaitu pemohon IPT, penyelenggara dan sistem pakar. Setiap aktor yang telah dikenal pasti boleh dipecahkan untuk membentuk *use case* yang berlainan.

4.2.1 Rajah *Use Case* Pemohon IPT




Rajah 4.2 Rajah *Use Case* Pemohon IPT

Rajah 4.2 menunjukkan Rajah *Use Case* bagi pemohon IPT. Antara fungsi-fungsi yang boleh dilakukan oleh pemohon IPT ialah memberikan maklumat mengenai keputusan peperiksaan, menjawab pernyataan SDS, memilih kursus yang telah dicadangkan oleh pangkalan pengetahuan dan melayari laman-laman Web IPT.

4.2.2 Rajah *Use Case* Penyelenggara


Rajah 4.3 *Use Case* berikut menunjukkan hubungan aktor penyelenggara dengan fungsi-fungsi yang boleh dilakukan oleh penyelenggara.



Rajah 4.3 Rajah *Use Case* Penyelenggara

4.2.3 Rajah *Use Case* Sistem Pakar

Rajah 4.4 berikut menunjukkan Rajah *Use Case* bagi sistem pakar. Sistem pakar berfungsi sebagai penjana cadangan kursus di UTM berdasarkan pernyataan SDS yang telah dijawab oleh Pemohon IPT.



Rajah 4.4 Rajah *Use Case* Sistem Pakar

4.2.4 Rajah Kelas

Rajah Kelas merupakan rajah yang terdiri daripada kelas-kelas atau objek. Objek mewakili suatu entiti secara fizikal atau konseptual. Ia mempunyai keadaan, kelakuan dan identiti. Objek pula merupakan instant kepada kelas. Manakala kelas menerangkan sekumpulan objek yang mempunyai atribut, kelakuan dan hubungan yang sama dengan objek-objek lain.

Enam kelas telah dikenal pasti terlibat dalam prototaip Pengujian Kendiri Pelajar Menggunakan Pengelasan Keputusan Pintar iaitu *user*, *exam-qua*, *soalan*, *course_table*, *qualification*, *riasec_table* dan *total*. Sila rujuk **Lampiran C1** untuk Rajah Kelas dan **Lampiran C2** untuk rajah ERD.

Sebagai contoh, satu kelayakan dimasukkan oleh seorang Pemohon IPT atau seorang Pemohon IPT perlu memasukkan satu kelayakan. Setiap kursus akan dijana oleh Sistem pakar yang akan merujuk kepada input pemohon dengan kelayakan yang diperlukan bagi sesuatu kursus yang ditawarkan oleh UTM. Ini bagi menentukan kursus yang bersesuaian dengan Pemohon IPT berdasarkan kelayakan keputusan peperiksaan dan pernyataan-pernyataan SDS yang telah dijawab oleh Pemohon IPT.

4.3 Model Dinamik Prototaip Kajian

Berikut merupakan model dinamik bagi kajian:

Senario bagi pemohon IPT:

1. Pemohon IPT memasukkan kata nama dan kata laluan yang betul
2. Beri maklumat berkaitan keputusan peperiksaan SPM atau STPM atau matrikulasi
3. Jawab pernyataan SDS yang diberi
4. Hantar jawapan bagi pernyataan SDS
5. Terima cadangan kursus yang ditawarkan oleh UTM
6. Pemohon IPT boleh melayari laman-laman web IPTA

Senario bagi sistem pakar


1. Terima jawapan bagi pernyataan SDS
2. Jana kursus yang bersesuaian berdasarkan minat, kebolehan dan keputusan peperiksaan pemohon IPT

Senario bagi penyelenggara

1. Penyelenggara masukkan kata nama dan kata laluan
2. Pengesahan kata nama dan kata laluan
3. Kemaskini pernyataan SDS
4. Kemaskini kursus yang ditawarkan oleh UTM

Dalam peringkat ini, akan diterangkan Rajah jujukan bagi pemohon IPT dan Penyelenggara.

4.3.1 Rajah Jujukan Pemohon IPT




Rajah 4.5 Rajah Jujukan Pemohon IPT

Rajah 4.5 menunjukkan rajah jujukan pemohon IPT . Pada kajian yang dibangunkan ini, Pemohon IPT dibenarkan untuk memilih cadangan kursus yang sesuai bagi mereka. Selain itu, Pemohon IPT juga boleh melayari laman-laman web IPTA pada menu yang disediakan.

Untuk mendapatkan cadangan kursus yang sesuai dengan mereka, Pemohon IPT perlu memilih menu yang terdapat pada antaramuka utama. Antaramuka bagi memasukkan keputusan peperiksaan akan dipaparkan. Kemudian pemohon perlu menjawab pernyataan SDS yang dipaparkan. Setelah segala urusan soal jawab selesai, kajian akan menjana kursus yang sepadan dengan kepakaran dan keputusan peperiksaan Pemohon IPT dan paparan kursus akan dilakukan pada antaramuka utama kajian.

4.3.2 Rajah Jujukan Penyelenggara

Pada Rajah 4.6 berikut, menunjukkan jujukan aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan oleh penyelenggara. Sebelum pengemaskinian terhadap pernyataan SDS atau kursus yang ditawarkan oleh UTM dilaksanakan, penyelenggara perlu mengesahkan id pada menu yang disediakan pada antaramuka utama. Setelah pengesahan id berjaya, barulah penyelenggara dapat mengemaskinian pernyataan SDS dan kursus-kursus yang ditawarkan oleh UTM. Setelah pengemaskinian berjaya, paparan maklumat yang terkini akan dipaparkan untuk menunjukkan bahawa pengemaskinian yang dilakukan telah berjaya.



Rajah 4.6 Rajah Jujukan Penyelenggara


4.4 Senario Prototaip Kajian

Pengujian Kendiri Pelajar Menggunakan Pengelasan Keputusan Pintar ini secara umumnya digunakan oleh dua pengguna kajian yang utama iaitu penyelenggara dan pemohon IPT.

Bagi pemohon IPT yang mahu menggunakan prototaip yang dibangunkan untuk kajian ini, mereka perlu memasukkan kata nama dan kata laluan. Nama pemohon IPT akan digunakan ketika proses paparan output yang akan dijana oleh kajian. Kemudian, pemohon IPT perlu memasukkan keputusan peperiksaan mereka dan menjawab pernyataan-pernyataan SDS yang telah disediakan oleh prototaip kepada mereka.

Pernyataan-pernyataan SDS tersebut terdiri daripada enam kod Holland iaitu *Realistic*, *Investigative*, *Artistic*, *Social*, *Enterprising* dan *Conventional*. Pemohon IPT hanya perlu tandakan pada kotak 'Ya' atau 'Tidak' yang telah disediakan pada setiap pernyataan. Setelah selesai menjawab, kajian akan menjanakan beberapa cadangan kursus yang bersesuaian dengan minat, kebolehan dan keputusan peperiksaan pemohon IPT tersebut. Paparan output yang terdiri daripada nama pemohon IPT serta cadangan kursus akan dipaparkan. Pemohon IPT juga boleh mengetahui maklumat-maklumat berkaitan kursus yang dicadangkan dengan melayari laman-laman web IPTA yang telah disediakan.

Bagi penyelenggara pula, mereka hanya perlu memasukkan kata nama dan kata laluan yang betul sebelum melakukan sebarang perubahan pada kajian. Setelah kata nama dan kata laluan telah disahkan, penyelenggara boleh menambah, membuang, atau menyunting setiap pernyataan SDS atau kursus yang ditawarkan oleh UTM. Rajah 4.7 berikut menunjukkan rajah aliran semasa prototaip.



Rajah 4.7 Rajah Aliran Semasa Pengujian Kendiri Pelajar Menggunakan Pengelasan Keputusan Pintar [13]

4.5 Merekabentuk Pangkalan Pengetahuan

Pangkalan pengetahuan Kajian Pengujian Kendiri Pelajar Menggunakan Pengelasan Keputusan Pintar adalah merupakan satu lokasi penyimpanan maklumat seperti pernyataan-pernyataan SDS dan kursus-kursus yang ditawarkan di UTM. **Lampiran C2** menggambarkan Rajah ERD bagi pangkalan pengetahuan kajian ini manakala **Lampiran C3** menerangkan medan-medan yang terlibat.

Terdapat enam *table* utama yang digunakan dalam kajian ini iaitu:

1. *user*
2. *result_subject*
3. soalan yang terdiri daripada *r_activities*, *i_activities*, *a_activities*, *s_activities*, *e_activities*, *c_activities*, *r_competencies*, *i_competencies*, *a_competencies*, *s_competencies*, *e_competencies*, *c_competencies*, *r_occupations*, *i_occupations*, *a_occupations*, *s_occupations*, *e_occupations*, *c_occupations*, *r_self_estimates*, *i_self_estimates*, *a_self_estimates*, *s_self_estimates*, *e_self_estimates*, *c_self_estimates*.
4. *course_table*
5. *riasec_table*
6. *exam_qua* yang terdiri daripada *spm_qua*, *stpm_qua* dan *matriks_qua*
7. *total* yang terdiri daripada *total_activities*, *total_competencies*, *total_occupations*, *total_self_estimates*

Berikut merupakan spesifikasi-spesifikasi bagi setiap *table* yang telah ditetapkan.

Jadual 4.1 Spesifikasi Pangkalan Pengetahuan *User*

MEDAN	JENIS MEDAN	SAIZ MEDAN	NULL
Id	Int	11	Tidak
Uname	VarChar	30	Tidak
Pass	VarChar	30	Tidak
name	VarChar	50	Tidak

Jadual 4.2 Spesifikasi Pangkalan Pengetahuan *Exam_qua*

MEDAN	JENIS MEDAN	SAIZ MEDAN	NULL
id_exam	VarChar	30	Tidak
subject	VarChar	30	Tidak

Jadual 4.3 Spesifikasi Pangkalan Pengetahuan Soalan

MEDAN	JENIS MEDAN	SAIZ MEDAN	NULL
Soalan	Text		Tidak

Jadual 4.4 Spesifikasi Pangkalan Pengetahuan *Course_table*

MEDAN	JENIS MEDAN	SAIZ MEDAN	NULL
course_code	Char	5	Tidak
course_name	Text		Tidak

Jadual 4.5 Spesifikasi Pangkalan Pengetahuan *Qualification*

MEDAN	JENIS MEDAN	SAIZ MEDAN	NULL
course_code	VarChar	5	Tidak
subject	VarChar	5	Tidak

Jadual 4.6 Spesifikasi Pangkalan Pengetahuan Bagi *Total*

MEDAN	JENIS MEDAN	SAIZ MEDAN	NULL
uname	VarChar	30	Tidak
jum_r	Int	2	Tidak
jum_i	Int	2	Tidak
jum_a	Int	2	Tidak
jum_s	Int	2	Tidak
jum_e	Int	2	Tidak
jum_c	Int	2	Tidak

Jadual 4.7 Spesifikasi Pangkalan Pengetahuan *Riasec_code*

MEDAN	JENIS MEDAN	SAIZ MEDAN	NULL
riasec_code	VarChar	5	Tidak
course_code	VarChar	5	Tidak
exam_qua	VarChar	15	Tidak

4.6 Ringkasan

Rekabentuk UML digunakan bagi menggambarkan keseluruhan perjalanan prototaip. Terdapat beberapa rajah yang digunakan seperti Rajah *Use Case*, Rajah Kelas, Rajah Jujukan, Rajah *State* dan Rajah Aliran Data. Rekabentuk awalan kajian pula direka sebagai panduan atau asas dalam merekabentuk antaramuka prototaip kajian ini. Sebarang perubahan boleh dilakukan ketika merekabentuk antaramuka bagi kajian nanti.

BAB V

PEMBANGUNAN PROTOTAIP KAJIAN

5.1 Pendahuluan


Sepanjang proses pembangunan prototaip, tidak kira samada prototaip yang kecil atau besar, penggunaan kaedah yang betul sangat penting dalam menentukan kejayaan kajian tersebut. Dalam bab ini, penerangan secara terperinci mengenai pembangunan prototaip Pengujian Kendiri Pelajar Menggunakan Pengelasan Keputusan Pintar iaitu pengaturcaraan dan pangkalan pengetahuan dinyatakan.

Secara keseluruhan, pembangunan prototaip ini menggunakan bahasa skrip PHP, HTML dan MySQL dan server web Apache. Perisian Macromedia Dreamweaver juga digunakan sebagai editor bagi membantu mempercepatkan pengaturcaraan dan pembangunan prototaip.

5.2 Antaramuka Utama

Terdapat dua golongan pengguna bagi kajian ini. Mereka yang terlibat terdiri daripada pemohon IPT dan penyelenggara. Terdapat empat bingkai dalam antaramuka utama. Bingkai atas iaitu bingkai *header* mengandungi tajuk laman web. Pada bingkai

kiri dan kanan pula terdapat bebutang yang akan menghubungkan pengguna ke laman-laman yang tertentu. Manakala bingkai utama yang terletak di tengah-tengah laman pula memaparkan maklumat yang berkaitan dengan sesuatu laman tersebut. Rajah 5.1 di bawah menunjukkan antaramuka laman utama yang telah siap direka.



Rajah 5.1 Antaramuka Laman Utama

5.3 Modul Pemohon

Pemohon mempunyai dua pilihan utama ketika melayari laman web ini. Dua pilihan tersebut ialah ingin mendapatkan maklumat mengenai kajian atau ingin terus mendapatkan kursus yang bersesuaian dengan minat, kebolehan dan keputusan peperiksaan mereka. Untuk mendapatkan kursus yang bersesuaian dengan mereka, pemohon perlu log in terlebih dahulu pada bebutang yang disediakan pada bahagian kiri bingkai.

Jika pemohon merupakan pengguna baru, mereka perlu mendaftarkan diri pada ruang yang telah disediakan. Paparan Rajah 5.2 dan Rajah 5.3 menunjukkan apa yang pemohon perlu lakukan.

course advisor
IPT Course Suggestion System

February 23, 2005
Wednesday

About Us

- + Brief Overview
- + About The SDS
- + Sample Report
- + Take The Test Now!

RIASEC

- + Realistic
- + Investigative
- + Artistic
- + Social
- + Enterprising
- + Conventional

Related Links

- + Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- + Universiti Sains Malaysia (USM)
- + Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- + Universiti Teknologi Mara (UITM)

[:: more ::](#)

Login

Please login before proceed

Username :

Password :

No account yet? Create one [here](#)

Rajah 5.2 Antaramuka Laman Log in

course advisor
IPT Course Suggestion System

February 23, 2005
Wednesday

About Us

- + Brief Overview
- + About The SDS
- + Sample Report
- + Take The Test Now!

RIASEC

- + Realistic
- + Investigative
- + Artistic
- + Social
- + Enterprising
- + Conventional

Related Links

- + Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- + Universiti Sains Malaysia (USM)
- + Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- + Universiti Teknologi Mara (UITM)

[:: more ::](#)

Registration Form

Registration

First Name :

Last Name :

Username :

Password :

Retype Password :

Rajah 5.3 Antaramuka Laman Daftar Pengguna Baru

5.3.1 Menu cadangan kursus

Setelah berjaya mendaftarkan diri serta log in, pemohon perlu memasukkan keputusan peperiksaan pada ruang yang disediakan. Pemohon perlu memilih sama ada ingin menggunakan kelayakan keputusan peperiksaan SPM, STPM atau matrikulasi. Rajah 5.4 menunjukkan keputusan yang perlu dimasukkan oleh pemohon IPT. Setelah itu, pemohon akan dihubungkan kepada laman web yang menyertakan pernyataan-pernyataan SDS untuk dijawab. Rajah 5.5 menunjukkan pernyataan SDS yang perlu dijawab oleh pemohon.

The screenshot displays the 'RIASEC Test' interface. On the left, there are three navigation menus: 'About Us' (with links for Brief Overview, About The SDS, and Sample Report), 'RIASEC' (with links for Realistic, Investigative, Artistic, Social, Enterprising, and Conventional), and 'Related Links' (with links to various Malaysian universities like UTM, USM, UKM, and UITM). The main content area is titled 'RIASEC Test' and contains a form with the following elements:

- A header: 'RIASEC Test' and the date 'March 13, 2005 Sunday'.
- A prompt: 'Please enter your subject.'
- A dropdown menu for 'Pass SPM examination' with 'Yes' selected.
- A dropdown menu for 'Stream' with '-----' selected.
- A list of subjects, each with a 'Not Taken' dropdown menu:

Bahasa Melayu	Not Taken
English	Not Taken
Mathematics	Not Taken
Add Maths	Not Taken
Physics	Not Taken
Chemistry	Not Taken
Biology	Not Taken
Science	Not Taken
History	Not Taken
Geography	Not Taken
Islamic Study	Not Taken
Morale Study	Not Taken
Information Technology	Not Taken
Engineering Technology	Not Taken
Engineering Drawing	Not Taken
Economy	Not Taken
Accounting	Not Taken
- Navigation buttons on the right: 'Home', 'Contact Us', 'F.A.Q', and 'Log Out'.

Rajah 5.4 Antaramuka Memasukkan Keputusan Peperiksaan

course advisor
IPT Course Suggestion System

About Us

- + Brief Overview
- + About The SDS
- + Sample Report

RIASEC

- + Realistic
- + Investigative
- + Artistic
- + Social
- + Enterprising
- + Conventional

Related Links

- + Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- + Universiti Sains Malaysia (USM)
- + Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- + Universiti Teknologi Mara (UTM)

[:: more ::](#)

RIASEC Test

February 23, 2005
Wednesday

[Home](#)

[Contact Us](#)


[F.A.Q](#)

R Activities

	Statements	Like	Dislike
1.	Fix electrical things	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
2.	Repair cars	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
3.	Fix mechanical things	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
4.	Build things with wood	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
5.	Take a Technology Education (e.g. Industrial Arts, Shop) course	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
6.	Take a Mechanical Drawing course	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
7.	Take a Woodworking course	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
8.	Take an Auto Mechanics course	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
9.	Work with an outstanding mechanic or technician	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
10.	Work outdoors	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

Rajah 5.5 Antaramuka Pernyataan SDS


Pemohon hendaklah menjawab kesemua pernyataan-pernyataan dengan menandakan “Like” atau “Dislike” dan “Yes” or “No” pada butang radio yang telah disediakan. Seterusnya kod SDS akan dijanakan hasil daripada pengujian minat dan kebolehan yang telah dijawab oleh pemohon tersebut. Kod SDS ini berfungsi untuk mengkategorikan pemohon kepada kumpulan RIASEC yang berlainan dan seterusnya memadankan ia dengan kursus-kursus IPT yang bersesuaian dengan kelayakan keputusan peperiksaan pemohon itu sendiri. **Lampiran D2** memaparkan keratan aturcara bagi memperoleh cadangan kursus ini.



Rajah 5.6 Antaramuka Cadangan Kursus IPT Bagi Pemohon

5.3.2 Menu “*Related Links*”

Pemohon boleh melayari laman-laman web IPTA tertentu, sama ada untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kursus yang dicadangkan oleh kajian kepadanya. Kursus yang dicadangkan oleh kajian ialah kursus yang terdapat di UTM sahaja. Oleh itu, jika pemohon ingin memohon kursus yang sama di IPTA yang berlainan, maka pemohon boleh menyemak dan merujuk kursus tersebut menerusi laman web IPTA yang berkenaan. Menu ini boleh dicapai di bahagian kiri bingkai laman web kajian. Rajah 5.7 berikut menunjukkan paparan antaramuka bagi jaringan ke laman-laman web IPTA yang disediakan.



Rajah 5.7 Antaramuka Jaringan Ke Laman Web IPTA

5.4 Modul Penyelenggara

Penyelenggaraan kajian ini perlu dilakukan oleh penyelenggara kajian. Penyelenggara yang ingin melakukan penyelenggaraan perlu log in terlebih dahulu pada ruang yang telah disediakan. Sila rujuk Rajah 5.2. Antaramuka yang digunakan adalah sama dan yang membezakannya ialah jika kata nama dan kata laluan yang dikhususkan untuk penyelenggara adalah betul, penyelenggara akan dihubungkan ke laman penyelenggara. Satu mesej ralat akan dipaparkan jika kata nama dan kata laluan yang diberikan adalah salah. Rajah 5.8 berikut menunjukkan mesej ralat yang dipaparkan.

course advisor
IPT Course Suggestion System

About Us

- + Brief Overview
- + About The SDS
- + Sample Report
- + Take The Test Now!

RIASEC

- + Realistic
- + Investigative
- + Artistic
- + Social
- + Enterprising
- + Conventional

Login

February 23, 2005
Wednesday

Home

Contact Us

F.A.Q

Please insert your username and password correctly


Please login before proceed

Username :

Password :

Rajah 5.8 Antaramuka Pemberitahuan Kata Nama atau Kata Laluan yang Tidak Sah

Manakala jika kata nama dan kata laluan yang diberikan oleh penyelenggara adalah betul atau sah, maka penyelenggara akan terus dihubungkan ke laman penyelenggara. Terdapat empat pilihan utama yang boleh dilakukan oleh penyelenggara. Penyelenggara boleh memilih sama ada ingin kemaskini, tambah atau buang pernyataan “RIASEC Activities”, “RIASEC Competencies”, “RIASEC Occupations” atau “RIASEC Courses”. Penyelenggara boleh memilih salah satu daripada empat pilihan yang telah disediakan.



Rajah 5.9 Antaramuka Utama Penyelenggara

5.4.1 Penyelenggaraan pernyataan SDS

Antaramuka pada Rajah 5.10 berikut akan dipaparkan apabila penyelenggara memilih untuk menyelenggara pernyataan SDS. Pada antaramuka utama penyelenggaraan pernyataan SDS ini, penyelenggara boleh memilih kategori yang ingin diselenggara sama ada *Realistic*, *Investigative*, *Artistic*, *Social*, *Enterprising* atau *Conventional*. Jika penyelenggara telah memilih ingin menyelenggara komponen *Realistic*, maka antaramuka pada Rajah 5.11 berikut akan dipaparkan.

course advisor
IPT Course Suggestion System

About Us

- + Brief Overview
- + About The SDS
- + Sample Report
- + Take The Test Now!

RIASEC

- + Realistic
- + Investigative
- + Artistic
- + Social
- + Enterprising
- + Conventional

Related Links

- + Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- + Universiti Sains Malaysia (USM)
- + Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- + Universiti Teknologi Mara (UiTM)

[:: more ::](#)

Activities

Please choose one of the codes below...

- **Realistic Activities**
- **Investigative Activities**
- **Artistic Activities**
- **Social Activities**
- **Enterprising Activities**
- **Conventional Activities**

February 23, 2005
Wednesday

[Home](#)

[Contact Us](#)

[F.A.Q](#)

[Log Out](#)

Edit

- + Main Menu
- + RIASEC Allegations
- + Activities
- + Competencies
- + Occupations
- + RIASEC Courses

Rajah 5.10 Antaramuka Pemilihan Komponen SDS

About Us

- + Brief Overview
- + About The SDS
- + Sample Report
- + Take The Test Now!

RIASEC

- + Realistic
- + Investigative
- + Artistic
- + Social
- + Enterprising
- + Conventional

Related Links

- + Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- + Universiti Sains Malaysia (USM)
- + Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- + Universiti Teknologi Mara (UiTM)

[:: more ::](#)

Edit Activities

Realistic Activities

You can edit, delete or insert new statement below...

	Statements	Edit	Delete
1.	Fix electrical things	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
2.	Repair cars	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
3.	Fix mechanical things	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
4.	Build things with wood	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
5.	Take a Technology Education (e.g. Industrial Arts, Shop) course	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
6.	Take a Mechanical Drawing course	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
7.	Take a Woodworking course	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
8.	Take an Auto Mechanics course	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
9.	Work with an outstanding mechanic or technician	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
10.	Work outdoors	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
11.	Operate motorized machines or equipment	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

Insert New Statement?

[:: RIASEC Activities ::](#)

February 8, 2005
Tuesday

[Home](#)

[Contact Us](#)

[F.A.Q](#)

Edit

- + Main Menu
- + RIASEC Allegations
- + Activities
- + Competencies
- + Occupations
- + RIASEC Courses


Rajah 5.11 Antaramuka Penyelenggaraan Pernyataan SDS, Komponen

Realistic Activities

Antaramuka yang ditunjukkan pada Rajah 5.11 memaparkan pernyataan-pernyataan yang terkandung di dalam pangkalan pengetahuan. Seterusnya penyelenggara boleh sama ada mengemaskini, membuang atau menambah pernyataan yang baru pada kategori tersebut.

5.4.2 Kemaskini pernyataan SDS

Apabila penyelenggara memilih untuk mengemaskinikan pernyataan SDS, penyelenggara perlu klik pada butang radio yang disediakan dan klik “OK” pada butang yang disediakan. Satu paparan berkaitan pengemaskinian akan dipaparkan. Berikut merupakan paparan yang akan dipaparkan.



Rajah 5.12 Antaramuka Kemaskini Pernyataan SDS


```

<b><font face="Verdana" size="1">
<input type="text" name="soal" size="50" value="<? echo
$soa_nak_di_edit[1]?>"></font></b>

```

Rajah 5.13 Keratan Aturcara Kemaskini Pernyataan SDS

Antaramuka pada Rajah 5.12 memaparkan pernyataan SDS yang ingin dikemaskinikan. Setelah penyelenggara telah mengemaskinikan pernyataan SDS tersebut, penyelenggara boleh menekan butang “OK” untuk ke antaramuka pengesahan atau tekan butang “CANCEL” untuk membatalkan pengemaskinian pernyataan tersebut. Sekiranya penyelenggara menekan butang “OK”, antaramuka berikut akan dipaparkan.



Rajah 5.14 Antaramuka Pengesahan Kemaskini Pernyataan SDS

```

$j=1;
$kenacari="SELECT * FROM r_activities";
$nakupdate=mysql_query($kenacari,$connection);
while($row=mysql_fetch_object($nakupdate))
{
    $soa_nak_di_edit[$j]=$row->soalan;
    $j++;
}
$updsql="UPDATE r_activities SET soalan ='$soal' WHERE
soalan='$soa_nak_di_edit[1]";
$updresult=mysql_query($updsql,$connection);
<center> <font face="Verdana" size="1"><? echo $soal?></font></center>
</pre>

```

Rajah 5.15 Keratan Aturcara Pengesahan Kemaskini Pernyataan SDS

Paparan berikut akan menyatakan pernyataan SDS yang telah dikemaskinikan. Jika penyelenggara bersetuju dengan pernyataan tersebut, penyelenggara perlu menekan butang “OK”. Pernyataan yang telah dikemaskini tersebut akan disimpan dalam pangkalan pengetahuan. Jika penyelenggara menekan butang “EDIT”, penyelenggara akan disambungkan ke ruang pengemaskinian seperti pada Rajah 5.11. Paparan berikut akan dipaparkan sekiranya penyelenggara menekan butang “OK”.

The screenshot displays a web interface for an administrator. At the top, it shows the date 'February 23, 2005 Wednesday' and the user role 'Administrator'. A central message states 'Edited Realistic Statement' and 'Statement that been successfully edited..'. Below this, a box contains the text 'Fix electrical things'. A table titled 'Statements' lists ten items, with the first item being '1. Fix electrical things'. The interface includes several navigation menus: 'About Us' (Brief Overview, About The SDS, Sample Report, Take The Test Now!), 'RIASEC' (Realistic, Investigative, Artistic, Social, Enterprising, Conventional), 'Related Links' (Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UTM)), 'Home', 'Contact Us', 'F.A.Q.', and 'Edit' (Main Menu, RIASEC Allegations, Activities, Competencies, Occupations, RIASEC Courses).

Rajah 5.16 Antaramuka Pernyataan SDS yang telah Dikemaskini

Pada bahagian atas merupakan paparan pernyataan yang telah dikemaskinikan. Pada bahagian bawahnya pula merupakan pernyataan-pernyataan SDS untuk komponen tersebut yang terdapat dalam pangkalan data.

```

$q=1;
while($row=mysql_fetch_object($quetresult))
{?>
  <tr>
  <td valign="top" height="22"> <font color="#000000" face="Verdana" size="1">
    <? echo "<font face=Verdana color=#000000 size=1>$q. </font>";?>
    <? echo "<font face=Verdana color=#000000 size=1>$row-soalan
    <br></font>";?> </font></td> </tr>
  <?
  $q++; }


```

Rajah 5.17 Keratan Atucara Pernyataan SDS yang telah Dikemaskini

5.4.3 Menghapus pernyataan SDS

Jika penyelenggara ingin menghapuskan pernyataan SDS yang terdapat di dalam sesuatu komponen RIASEC, penyelenggara perlu klik pada butang radio yang disediakan dan klik butang “OK”. Sila rujuk Rajah 5.11 sebagai paparan antaramuka tersebut.

Setelah penyelenggara memilih pernyataan yang ingin dihapuskan, satu paparan seperti Rajah 5.18 berikut akan dipaparkan. Ianya bertujuan untuk mendapatkan pengesahan terlebih dahulu daripada penyelenggara sebelum sesuatu pernyataan tersebut dihapuskan. Untuk meneruskan proses penghapusan maka tekan butang “OK” dan jika ingin membatalkan proses tersebut, penyelenggara perlu klik pada butang “CANCEL”.



Rajah 5.18 Antaramuka Pernyataan SDS yang Ingin Dihapuskan


```

$j=1;
$kenacari="SELECT * FROM r_activities";
$nakupdate=mysql_query($kenacari,$connection);
while($row=mysql_fetch_object($nakupdate))
{
$soa_nak_di_delete[$j]=$row->soalan;
$j++;
}
<center><b><font face="Verdana" size="1" ><? echo
$soa_nak_di_delete[1]?></font></b></center>
</pre>

```

Rajah 5.19 Keratan Atucara Pernyataan SDS yang Ingin Dihapuskan

Sekiranya penyelenggara telah mengesahkan untuk menghapuskan pernyataan tersebut, maka paparan berikut akan dipaparkan. Pada bahagian atas merupakan pernyataan yang dihapuskan manakala pada bahagian bawah merupakan pernyataan yang masih tinggal.



Rajah 5.20 Antaramuka Pernyataan SDS yang telah Dihapuskan

5.4.4 Menambah pernyataan SDS

Jika penyelenggara ingin menambahkan pernyataan SDS ke dalam komponen RIASEC, penyelenggara perlu klik pada butang radio yang disediakan. Antaramuka berikut akan dipaparkan jika penyelenggara memilih untuk menambahkan pernyataan SDS ke dalam komponen RIASEC.

About Us

- + Brief Overview
- + About The SDS
- + Sample Report
